Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Ibnu Abbas Radiallahuanhuma berkata : Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan Zakat Fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa daripada segala perkataan-perkataan keji dan buruk (yang ia lakukan semasa ia berpuasa)". (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.03 | SUBUH 5.13 | SYURUK 6.30 | DUHA 6.52 | ZUHUR 12.32 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 28 | 7 MAC 2026 / 1447 رمضان 17 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# MEMAHAMI, MENDEKATI AL-QURAN MELALUI 'TADABBUR'

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BERAKAS**, Jumaat, 6 Mac. - Bagi memastikan 'manual kehidupan' ini benar-benar dihayati, kerajaan sentiasa memperkasa inisiatif melalui pelbagai peringkat pendidikan agama kebangsaan termasuk pencapaian serantau khususnya dalam menerbitkan Tafsir 'Ilmi Ayat-ayat Kauniyyat menerusi kerjasama MABIMS.

Usaha seumpamanya adalah bertujuan melahirkan generasi penerus yang mahir membaca dan membesar dalam lingkungan adab serta kecintaan kepada kalamullah. Oleh itu, sebagai usaha bersinambung memahami isi kandungan Al-Quran, kita dituntut untuk mendekatinya melalui *tadabbur.*

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, malam tadi.

>> Muka 3



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.**

# Kementerian Kesihatan adakan Majlis Bertadarus, penyampaian sumbangan derma

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BELAIT,** Khamis, 5 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim sempena Bulan Ramadan pada tahun ini berlangsung di Surau Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 9

# Majlis Resepsi Iftar anjuran Suruhanjaya Tinggi Kanada

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan Majlis Resepsi Iftar yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kehadiran lebih 180 jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan, para diplomatik, pemimpin perniagaan, ahli akademik, wakil media serta para jemputan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof serta Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 8

# 14 terima bantuan modal keusahawanan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Mac. - Ke arah mencapai salah satu matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) iaitu mendukung pencapaian taraf sara diri, YSHHB turut mendukung usaha kerajaan membantu meningkatkan tahap sara diri golongan yang memerlukan bantuan melalui program keusahawanan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan (SPK).

SPK merupakan bantuan pengupayaan diri khusus bagi golongan sasar yang memerlukan iaitu berupa pemberian bantuan modal bagi menjalankan perusahaan berserta beberapa program dan kursus kemahiran yang bersesuaian.

Bentuk bantuan modal yang diberikan adalah mengikut kriteria dan kesesuaian pemohon seperti kewangan, material, latihan dan pemantauan.

Sehubungan itu, seramai 14 bakal Usahawan Bakarih YSHHB menerima bantuan modal keusahawanan di bawah SPK keseluruhannya berjumlah BND34,047 bagi membolehkan mereka menjalankan serta mengembangkan perusahaan yang telah dirancang.

>> Muka 12

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



QIAMULLAIL, Tazkirah Khas imarahkan Ramadan
Muka 6




MESYUARAT ASCC tegaskan komitmen ASEAN inklusif berdaya tahan
Muka 13



MEMBUDAYAKAN interaksi dengan Al-Quran dalam kehidupan seharian
Muka 15




PELITA Brunei hari ini menerbitkan Senarai Nama-Nama Amil 2026

# Ketahanan dan kepelbagaian sebagai teras kemajuan ekonomi di bawah tekanan global



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap pada Economic and Investment Outlook 2026 anjuran BDCB pada Isnin, 2 Februari 2026 yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,**
**Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.**

**ALHAMDULILLAH,** terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang ke majlis hari ini – Economic and Investment Outlook yang Ke-10 sejak tahun 2017. Kami amat berbesar hati dengan kehadiran para pemimpin industri, pembuat dasar, dan para peserta pasaran yang dihormati.

Masa berlalu dengan begitu pantas. Hanya tujuh tahun yang lalu, dunia sedang menghadapi kejutan pandemik COVID-19 yang tiada tandingan, yang mengganggu rantaian bekalan di seluruh dunia dan secara tidak langsung memaksa kita menemui cara baharu dalam bekerja dan menjalani kehidupan di rumah. Kejutan pandemik ini juga melemahkan kerjasama antarabangsa dan mendorong negara-negara mengutamakan kepentingan nasional berbanding kestabilan global. Kesan ini telah menimbulkan ketegangan geopolitik, yang berterusan memberi impak kepada pasaran kewangan antarabangsa. Sejak itu, ekonomi dunia menghadapi inflasi tinggi, sekali gus mendorong bank-bank pusat melaksanakan pengetatan monetari yang agresif sebelum secara beransur-ansur beralih kepada pelonggaran. Hari ini, landskap ekonomi telah memasuki fasa baharu, yang dicirikan oleh percepatan teknologi secara serentak serta tekanan yang diperbaharui ke atas pasaran tenaga, rantaian bekalan dan kestabilan geopolitik.

Dalam persekitaran ini, beberapa kuasa yang saling berkaitan sedang memacu prospek ekonomi global yang lebih luas. Pasaran minyak kekal terdedah kepada penyesuaian harga, termasuk kemungkinan peningkatan pengeluaran dari rizab yang sebelum ini kurang dimanfaatkan di Amerika Syarikat dan juga potensi bekalan tambahan daripada Venezuela – faktor yang boleh memberi tekanan ke bawah ke atas harga tenaga di seluruh dunia. Pada masa yang sama, kemajuan pantas dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) telah meningkatkan permintaan global terhadap semikonduktor dan mineral tanah jarang (*rare earth minerals*) - bahan penting untuk teknologi moden seperti motor elektrik, sistem tenaga boleh diperbaharui dan peranti pintar - sekali gus menyebabkan kekangan bekalan, tingkah laku penimbunan strategik, dan persaingan yang semakin sengit ke atas sumber kritikal ini. Tekanan struktur ini turut digandingkan dengan ketegangan berterusan di Timur Tengah dan Eropah, yang terus memberi impak terhadap keselamatan tenaga, aliran perdagangan, dan sentimen pelabur di peringkat antarabangsa.

Sesi hari ini menggalakkan dialog terbuka di bawah Peraturan Chatham House, membolehkan para peserta bertukar pandangan mengenai perkembangan terkini yang membentuk persekitaran ekonomi, pasaran kewangan, dan proses perniagaan kita. Dalam suasana ketidakpastian yang meningkat serta hubungan saling bergantung antara ekonomi dan pasaran, pertukaran pandangan seperti ini amat penting bagi menyokong perbincangan dasar yang berinformasi dan proses membuat keputusan pelaburan yang lebih tepat.

Dalam konteks inilah, tema majlis hari ini, 'Progress Under Pressure – Opportunities amid Global Strains' menjadi begitu penting dan signifikan. Tema ini mencerminkan ekonomi global yang terus berkembang walaupun menghadapi pelbagai cabaran, termasuk ketegangan geopolitik yang meningkat, hubungan perdagangan yang terpecah, perubahan demografi, serta ketidakstabilan pasaran kewangan yang berterusan, kesemuanya memberi kesan kepada keyakinan global. Namun, sejarah mengingatkan kita bahawa tempoh ketegangan sering menjadi pemangkin kepada penyesuaian dan transformasi jangka panjang.

Dari perspektif pelaburan, persekitaran ini telah menegaskan pendekatan yang lebih berhati-hati dan selektif dalam pengagihan modal. Episod ketegangan geopolitik dan ketidakpastian makroekonomi telah mendorong tingkah laku yang berwaspada terhadap risiko, manakala jangkaan pulangan yang lebih rendah di sesetengah pasaran sedang membentuk semula prospek pulangan dan strategi portfolio. Para pelabur kini semakin menumpukan perhatian kepada kepelbagaian, ketahanan, dan penciptaan nilai jangka panjang.

Sehubungan itu, aset perlindungan (*safe-haven*) dan defensif, serta logam berharga termasuk emas, kembali menonjol di tengah-tengah ketidakpastian dan turun naik pasaran. Pada masa yang sama, pelaburan lestari dan yang selaras dengan prinsip ESG terus mendapat perhatian, mencerminkan pengiktirafan yang semakin meningkat bahawa prestasi kewangan jangka panjang amat berkait rapat dengan ketahanan alam sekitar, tadbir urus yang baik dan kestabilan sosial.

**>> Muka 9**

## Waktu Sembahyang

| MAC MASIHI | HARI | RAMADAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | SABTU | 17 | 5.03 | 5.13 | 6.30 | 6.52 | 12.32 | 3.46 | 6.33 | 7.42 |
| 8 | AHAD | 18 | 5.02 | 5.12 | 6.29 | 6.52 | 12.32 | 3.46 | 6.33 | 7.42 |
| 9 | ISNIN | 19 | 5.02 | 5.12 | 6.29 | 6.51 | 12.32 | 3.45 | 6.33 | 7.42 |
| 10 | SELASA | 20 | 5.02 | 5.12 | 6.29 | 6.51 | 12.32 | 3.44 | 6.33 | 7.42 |
| 11 | RABU | 21 | 5.01 | 5.11 | 6.28 | 6.51 | 12.31 | 3.44 | 6.32 | 7.41 |
| 12 | KHAMIS | 22 | 5.01 | 5.11 | 6.28 | 6.50 | 12.31 | 3.43 | 6.32 | 7.41 |
| 13 | JUMAAT | 23 | 5.01 | 5.11 | 6.28 | 6.50 | 12.31 | 3.42 | 6.32 | 7.41 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## Ramalan Cuaca 3 Hari

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 / 24 °C | 32 / 25 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 / 24 °C | 32 / 25 °C | 32 / 24 °C |
| Kuala Belait | 30 / 24 °C | 32 / 25 °C | 32 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## Sidang Pengarang

7 MAC 2026

### Menerapkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian

**AL-QURAN** bukan sekadar kitab suci yang dibaca, tetapi merupakan kitab yang sempurna yang mengandungi pelbagai ajaran bagi seluruh umat. Diturunkan sebagai petunjuk, Al-Quran mengandungi solusi dan ajaran untuk setiap persoalan kehidupan, dari urusan ibadah hingga urusan duniawi. Oleh kerana itu, mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian adalah suatu kewajipan yang mendatangkan kebaikan dunia dan akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Jathiyah, ayat 20 tafsirnya: "*Al-Quran ini menjadi panduan bagi manusia dan petunjuk serta rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenaran)*".

Langkah pertama dan paling asas untuk mengamalkan ajaran Al-Quran dalam hidup kita ialah dengan membina hubungan erat dengan Al-Quran melalui bacaan walau hanya beberapa ayat. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjanjikan syafaat di hari kiamat bagi mereka yang rajin membaca Al-Quran. Lebih daripada itu, setiap huruf yang dibaca diganjar dengan 10 kebaikan. Membaca Al-Quran pada waktu pagi, khususnya selepas Subuh, bukan sahaja menyuburkan jiwa tetapi juga menjadi cahaya yang menerangi hati dan mendatangkan ketenangan sepanjang hari. Namun, usaha kita tidak boleh berhenti dengan setakat membaca. Kita dituntut untuk mentadabbur makna ayat-ayat Al-Quran, iaitu merenung dan memahami kandungannya. Dengan memahami maknanya, kita akan mengetahui apa yang diperintahkan dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Pemahaman ini kemudiannya membimbing kita untuk berakhlak dan beramal sesuai dengan petunjuk Al-Quran.

Mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian boleh dimulakan dengan perkara kecil. Dalam urusan pekerjaan, Islam mengajarkan produktiviti dengan memanfaatkan waktu pagi yang penuh keberkahan, bersikap jujur, amanah dan tidak menunda-nunda tugas. Ketika berinteraksi dengan orang di sekeliling kita, kita dituntut untuk sentiasa berkata baik atau diam apabila marah atau tidak ada apa-apa yang berfaedah hendak disampaikan. Ketika ditimpa masalah, Al-Quran mengajarkan kita untuk berdoa, bertaubat, dan berzikir kerana hanya dengan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala hati menjadi tenteram. Malah, dalam urusan rezeki, kita diperintahkan untuk saling membantu dan memudahkan kesulitan orang lain kerana Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menolong hamba-Nya selagi hamba itu menolong saudaranya.

Kesimpulannya, menerapkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian adalah satu perjalanan berterusan yang bermula dengan bacaan, diikuti kefahaman dan berakhir dengan amalan. Jadikanlah Al-Quran sebagai panduan hidup dengan cara konsisten mendekatkan diri kepadanya, kita bukan sahaja meraih pahala tetapi juga membentuk peribadi mulia, meraih ketenangan jiwa dan membina kehidupan yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memahami, mendekati Al-Quran melalui *tadabbur*

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menguriniakan sabda pada majlis berkenaan.**

**>> Muka 1**

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapatlah kita berkumpul memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran pada malam 17 Ramadan yang penuh berkat ini.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota tema sambutan pada tahun ini, 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya', bertepatan dengan hasrat negara untuk terus memperkasa jati diri umat Islam melalui kitab suci Al-Quran.

Tema ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia, merupakan kesinambungan daripada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan Al-Quran sebagai teras kehidupan.

Sabda DYTM lagi, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan lepas : "Al-Quran bukan sekadar bacaan tetapi sebuah manual kehidupan yang mendidik akal-budi untuk mengenal hikmah dan kebenaran".

Seterusnya dalam sabda, DYTM menjelaskan bahawa pendekatan ini selaras dengan tujuan penurunan Al-Quran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Shad, ayat 29 yang bermaksud : "(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) yang mengandungi berkat, supaya mereka memikirkan dengan teliti ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal dapat mengambil pengajaran".

DYTM seterusnya bersabda, amalan *tadabbur* Al-Quran membawa kepada penghayatan tiga konsep utama iaitu Tilawah : pembacaan yang betul dan bertajwid, Ta'lim iaitu mempelajari dan memahami isi kandungannya dan Tazkiyah iaitu pengamalan ajaran Al-Quran bagi membentuk akhlak mulia serta adab dalam hubungan sesama insan.

Namun, sabda DYTM lagi, dalam meniti arus kemodenan termasuk kemajuan teknologi digital dan pengaruh Kecerdasan Buatan (AI) kini merupakan suatu kenyataan merentasi kehidupan seharian.

"Dalam hal ini, kita menjunjung tinggi titah peringatan paduka ayahanda mengenainya pada Sambutan Ilal Hijrah baru-baru ini, khususnya cabaran teknologi AI yang semakin canggih sehingga boleh menyebabkan : "kesukaran kita untuk menilai dan membezakan yang mana realiti atau yang diada-adakan".

"Pada hemat saya, cabaran kepantasan maklumat dan pertembungannya menuntut kita untuk memiliki sikap yang lebih bijaksana dalam berusaha merungkai berbagai khazanah ilmu yang tersirat. Hal ini selaras dengan sabda peringatan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi, mafhumnya : "Sesiapa yang berkata tentang Al-Quran tanpa ilmu, maka dia telah menempah tempat duduknya di dalam api neraka"," sabda DYTM.

Sehubungan dengannya, sabda DYTM, perlu diingat bahawa peranan *mufassir* atau pentafsir Al-Quran merupakan satu kedudukan yang tinggi dan mulia. Ia menuntut penguasaan ilmu dan pematuhan kepada disiplin ilmu yang ketat sebagaimana digariskan dalam kitab-kitab 'Ulum Al-Quran.

Dengan demikian, sabda DYTM, kita perlu menyedari bahawa teknologi AI atau Artificial Intelligence hanyalah sebuah wasilah atau perantara dalam mana ia tidak memiliki *Basirah* atau 'mata hati' di samping tidak berpaksikan kepada disiplin ilmu yang bersanad.

Sabda DYTM lagi, kemajuan teknologi ini bagaimanapun harus dimanfaatkan dengan aplikasinya berpandukan kepada pegangan Ahli Sunnah Waljamaah demi memelihara keselamatan akidah serta kesejahteraan ummah dan negara.

Justeru, sabda DYTM, kebijaksanaan kita menggunakan teknologi mestilah sentiasa diimbangi dengan kekuatan rohani dan integriti ilmu yang bersanad. Inilah benteng utama kita bagi melahirkan agamawan serta generasi yang bukan sahaja celik digital, malah teguh imannya dalam mendepani apa jua cabaran masa kini dan mendatang.

"Akhir kalam, adalah penting dan menjadi keutamaan bagi semua pihak untuk terus bekerjasama dalam menanai peranan masing-masing ke arah memperkukuh pengalaman pembelajaran, pengajian dan penghayatan Al-Quran melalui pendekatan *tadabbur* yang sahih dan mudah.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menguriniakan taufik dan kekuatan untuk kita membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan Al-Quran dengan istiqamah serta meraih syafaatnya dan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam rahmat serta perlindungan-Nya," sabda DYTM.

# BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi. Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kanan dan atas).**

**BERAKAS**, Jumaat, 6 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, tadi berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447H; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447H; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB); Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447H.

**>> Muka 4**





**SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (atas kanan), manakala gambar kanan, suasana semasa berlangsungnya Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka-paduka adinda menadah tangan ketika doa dibacakan.**

**>> Muka 3**

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447H dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Kemudian, majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menjelaskan, sesungguhnya memahami makna ayat-ayat Al-Quran sama ada melalui terjemahan prakata dan huraian tafsirnya adalah untuk mengambil pengajaran daripadanya sesuai dengan maksud dan tujuan Allah Subhanahu Wata'ala mewahyukannya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk jadi pedoman dan amalan yang seterusnya meresap ke dalam diri manusia menjadi penghayatan.

Tambah Yang Berhormat, kerana itulah usaha mempelajari Al-Quran sangat perlu untuk terus-menerus diperkukuhkan untuk menjadikannya tidak sahaja setakat bacaan dan hafalan bahkan hendaklah dengan pemahaman.

Antara usaha ke arah itu jelas Yang Berhormat, ialah dengan adanya kegiatan dan program-program men*tadabbur* ayat-ayat Al-Quran.

Kegiatan men*tadabbur* ini terang Yang Berhormat, akan diperkukuhkan sewajarnya, di samping memperkukuhkan usaha pembelajaran bacaan dan hafalan yang kita telah ada untuk dikembangkan.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan sabda.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan Pemakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Setelah itu, majlis diserikan dengan Persembahan Pemenang Terbaik dari setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H.

Sejurus itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada peserta.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447H ialah 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan bersama oleh KHEU, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, dan BDCB.





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan beramah mesra dengan para peserta musabaqah dan keluarga (kiri dan kanan).**







**BACAAN doa dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (atas) manakala gambar kiri, kiri sekali, bawah kiri dan bawah, sekitar majlis tersebut dan para jemputan yang hadir.**





# PEMAKLUMAN PEMENANG MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada pemenang tempat pertama Kategori 'A' iaitu Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri dan pemenang tempat pertama Kategori 'B' iaitu Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap (kiri dan kanan).

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**BERAKAS**, Jumaat, 6 Mac. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, diserikan lagi dengan Pemakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada peserta.

Terdahulu itu, Pemakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Bagi Kategori 'A', iaitu Menghafaz 1 Juz Al-Quran iaitu Juz 30 berserta Pemahaman Juz 30, yang mana pemenang pertama ialah Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri dengan memperoleh markah 98.85 peratus, diikuti pemenang kedua iaitu Dayang Nur Saffiyyah Azzahra binti Hafiz dengan markah 98.77 peratus dan ketiga ialah Dayang Nur Sarah Basyirah binti Mohammad Fikri, dengan markah 98.70 peratus.

Pemenang pertama bagi Kategori 'A', menerima wang tunai berjumlah BND1,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk kenang-kenangan berupa 1 gram (g) foil emas sumbangan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB); manakala tempat kedua menerima wang tunai berjumlah BND1,000, hadiah iringan, sijil penyertaaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 40g logam perak sumbangan BDCB; dan pemenang ketiga menerima wang tunai berjumlah BND750, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 31.1g logam perak sumbangan BDCB.

Sementara itu, bagi Kategori 'B', iaitu Menghafaz Surah-surah Pilihan iaitu Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Jumu'ah, Surah
Al-Mulk, Surah Al-Jinn dan Surah Al-Insaan dan berserta pemahaman Surah Nuh, Surah Al-Muzzammil, Surah Al-Muddathir, Surah Al-Qiyamah dan Surah Al-Mursalat, johan disandang oleh Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap dengan memperoleh markah 98.78 peratus, diikuti Dayangku Wajihah binti Pengiran Khairul Nazri di tempat kedua yang memperoleh markah 98.42 peratus, dan pemenang ketiga selepas memperoleh markah 97.15 peratus ialah Siti Nur Darwisyah binti Sabli.

Dalam pada itu, johan bagi Kategori 'B' menerima wang tunai berjumlah BND2,000, hadiah iringan, sijil penyertaaan dan satu produk kenang-kenangan berupa 1g foil emas sumbangan BDCB; manakala tempat kedua menerima wang tunai berjumlah BND1,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 40g logam perak sumbangan BDCB; dan pemenang ketiga menerima wang tunai berjumlah BND1,200, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 31.1g logam perak sumbangan BDCB.

Bagi Kategori 'C', iaitu Menghafaz 4 Juz Al-Quran dari Juz 1 hingga 4 berserta pemahaman Surah Al-Hijr dan Surah An-Nahl serta terbuka kepada semua peringkat umur, yang mana tempat pertama disandang oleh Dayang Siti Nurzawanah binti Mohammad Saidin dengan markah 98.41 peratus, diikuti dengan Dayangku Siti Huwaida Kareemah binti Pengiran Mohd. Helmy di tempat kedua dengan memperoleh markah 98.29 peratus, dan tempat ketiga dengan memperoleh markah 98.05 peratus disandang oleh Dayang Atiqah Munirah binti Haji Muamat.

Pemenang bagi Kategori 'C' membawa pulang wang tunai berjumlah BND2,800, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk kenang-kenangan berupa 1g foil emas sumbangan BDCB; sementara itu pemenang kedua menerima hadiah wang tunai berjumlah BND2,000, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 40g logam perak sumbangan BDCB; dan tempat ketiga menerima hadiah wang tunai berjumlah BND1,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 31.1g logam perak sumbangan BDCB.

Bagi Kategori 'D' pula iaitu Menghafaz 15 Juz Al-Quran iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 berserta pemahaman Surah Al-Ahqaf, Surah Muhammad dan Surah Al-Fath serta terbuka kepada semua peringkat umur, johan disandang oleh Dayang Ameerah Batrisyia@Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham dengan memperoleh markah 97.19 peratus, diikuti naib johan yang disandang oleh Dayang Nur Sofiyyah Solehah binti Mohammad Fikri yang memperoleh markah 95.98 peratus, dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Saleh dengan memperoleh markah 95.82 peratus.

Juara bagi Kategori 'D' menerima wang tunai berjumlah BND3,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk kenang-kenangan berupa 1g foil emas sumbangan BDCB; sementara pemenang kedua menerima wang tunai berjumlah BND2,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 40g logam perak sumbangan BDCB; dan tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND2,000, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 31.1g logam perak sumbangan BDCB.

Manakala bagi Kategori 'E', iaitu Menghafaz 30 Juz Al-Quran iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Surah Maidah dan Surah Al-An'am yang mana johan bagi kategori ini disandang oleh Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi dengan memperoleh markah 98.29 peratus, diikuti Awang Mohammad Afif Fikry bin Haji Abu Bakar selaku pemenang kedua dengan memperoleh markah 95.46 peratus, dan di tempat ketiga, ialah Awang Muhammad Amin Yusof bin Muhammad Arifin dengan memperoleh markah 94.65 peratus.

Pemenang pertama bagi Kategori 'E' menerima wang tunai berjumlah BND5,000, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk kenang-kenangan berupa 1g foil emas sumbangan BDCB; diikuti pemenang kedua yang menerima wang tunai berjumlah BND3,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 40g logam perak sumbangan BDCB; dan tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND2,500, hadiah iringan, sijil penyertaan dan satu produk duit syiling kenang-kenangan berupa 31.1g logam perak sumbangan BDCB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada pemenang tempat pertama Kategori 'C' iaitu Dayang Siti Nurzawanah binti Mohammad Saidin.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada pemenang tempat pertama Kategori 'D' iaitu Dayang Ameerah Batrisyia@Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham dan pemenang pertama Kategori 'E' iaitu Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi (atas dan kiri).

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN AKHIRI TADARUS ISTANA NURUL IMAN

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Majlis Tadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman yang telah bermula dari 19 Februari lalu telah melabuh tirai dengan Majlis Khatam Al-Quran, malam tadi.

Majlis yang diadakan di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman di sini dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Seterusnya, majlis disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha sehingga Al-Masad yang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, diikuti pembesar negara yang lain.

Majlis juga disusuli dengan bacaan Takhtim termasuk Tahlil beramai-ramai. Doa Khatam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Dikir Syarafil Anam seterusnya menyemarakkan majlis yang dipersembahkan oleh Yang Dimuliakan Begawan-begawan Pehin Khatib dan Yang Mulia Begawan-begawan Mudim, diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon yang kemudiannya membacakan Doa Dikir.

Bagi memohon keberkatan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim.

Turut berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang, Manteri-manteri Pedalaman, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, mantan - mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan para jemputan khas.



**MAJLIS yang diadakan di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (atas kiri), manakala gambar atas dan bawah, sekitar Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.**



# Qiamullail, Tazkirah Khas imarahkan Ramadan

**Siaran Akhbar dan Foto : Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah**





**ANTARA jemaah perempuan yang hadir.**

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Mac. - Majlis Qiamullail dan Tazkirah Khas bersempena Bulan Ramadan telah diadakan awal pagi tadi, bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, bermula pukul 2.30 pagi.

Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan An-Naafii Co.

Acara ini bertujuan mengimarahkan masjid sepanjang bulan Ramadan serta menggalakkan umat Islam menghidupkan malam dengan ibadah qiamullail dan pengisian ilmu.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Tahajud dan Taubat diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Muhammad Tsuufiy bin Haji Abd. Wahab.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir sama ialah Dato Seri Setia Haji Awang Ali bin Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Penaung Bersama Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Kemuncak majlis ialah Tazkirah Khas yang disampaikan oleh Profesor Dr. Ustaz Haji Abdul Somad bertajuk 'Qiyamullail dan Kebangkitan Ummah: Dari Masjid ke Kehidupan'.

Penganjuran majlis seperti ini diharap dapat terus mengimarahkan masjid sebagai pusat ibadah, ilmu dan penyatuan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.



**TAZKIRAH Khas disampaikan oleh Profesor Dr. Ustaz Haji Abdul Somad.**

# MMN ADAKAN DOA SELAMAT, MEMOHON KEBERKATAN ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi





**MAJLIS penuh keberkatan berkenaan dihadiri oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN (atas dan kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, Majlis Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat dan seterusnya Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Selamat diadakan petang tadi di Surau Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Majlis penuh keberkatan berkenaan dihadiri oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Awang Mohd. Hasnal bin Haji Mohamad.

Majlis berkenaan diadakan bagi memohon keberkatan dan kelancaran bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN serta sepanjang persidangan, di samping memperkukuh kesediaan MMN dalam menyempurnakan amanah yang akan digalas sepanjang persidangan.

# Persidangan MMN : Wadah penyelarasan pandangan antara rakyat dan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan bermula pada Khamis, 22 Ramadan 1447H bersamaan 12 Mac 2026M dengan keberangkatan dan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai tumpuan utama Istiadat Pembukaan Rasmi.

Sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN akan bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Jurnal (Minit Mesyuarat) Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang telah bersidang pada 2025.

Persidangan berkenaan akan ditangguhkan bagi memberikan laluan bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN.

Persidangan MMN tahun ini akan membincangkan perkara yang berkaitan hala tuju pembangunan negara melalui pertanyaan serta perbahasa yang tertumpu kepada Rang Undang-undang (2026) Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2026/2027 dan Usul Kumpulwang Kemajuan untuk diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2026.

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

MMN kekal berperanan sebagai institusi perundangan dan perbincangan tertinggi negara. Ahli-ahli MMN terdiri oleh Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Di-Lantik dari Orang-orang Yang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, dan Wakil-wakil Dari Daerah-daerah.

Melalui perbahasan yang berhemat serta suasana musyawarah yang konstruktif, MMN berfungsi sebagai wadah penyelarasan pandangan antara rakyat dan kerajaan dalam menimbangkan dasar-dasar penting negara ke arah menyokong usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi yang mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan sosial yang inklusif, serta memastikan keamanan dan kestabilan negara terus terpelihara di bawah limpahan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesi Persidangan MMN berkenaan dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk melihat dan mendengarkan perbahasan dan perbincangan. Orang awam yang berminat dialu-alukan untuk menghadiri dan menyaksikan sesi perbahasan secara langsung di Dewan Persidangan, sehari selepas Istiadat Pembukaan Rasmi.

Perkhidmatan jurubahasa dalam bahasa Inggeris (*translation services in English*) juga tersedia dengan permohonan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kehadiran.

Institusi pendidikan dijemput untuk membawa penuntut-penuntut sebagai pendedahan mengenai MMN termasuk proses perundangan negara dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Permohonan lawatan boleh dibuat melalui surat rasmi kepada Urus Setia MMN sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan.

Rakaman persidangan harian boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana dan RTB Sukmaindera pada jam 9.00 malam bagi rakaman bahagian satu dan diikuti lagi pada jam 11.00 malam bagi rakaman bahagian dua.

Dokumen rasmi persidangan seperti Penyata Rasmi (Hansard), Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang *www.majlis-mesyuarat.gov.bn* atau *www.councils.gov.bn*.

Maklumat terkini dan perkembangan persidangan, juga akan diterbitkan dalam Instagram rasmi *@legcobrunei*.

Pelawat dan orang ramai yang berminat untuk menghadiri Sesi Persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan bagi memastikan keselesaan serta kelancaran sepanjang sesi berlangsung, termasuk pakaian kemas dan sopan seperti yang dinyatakan dalam peraturan, telefon bimbit perlu diaktifkan kepada mod senyap, dan tidak dibenarkan mengambil gambar atau video tanpa kebenaran.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah dikemukakan kepada Urus Setia MMN, iaitu Urus Setia Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, BB3910 Negara Brunei Darussalam atau melalui talian +673 2380501 atau faks: +673 2385500 atau e-mel *majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn*.

## Peringatan mengenai Perintah Kanun Tanah (Pindaan) Tahun 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Tanah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Jabatan Tanah ingin memperingatkan kepada orang awam, khususnya bagi mereka yang bukan warganegara Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap, yang memegang kepentingan tanah di negara ini, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3B dan 3D di dalam Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025, supaya mula menghadapkan permohonan pengisytiharan mereka.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Tanah ingin memaklumkan bahawa tempoh satu tahun yang diberikan bagi tujuan pengisytiharan tersebut, yang bermula pada 1 Ogos 2025, kini tinggal lima bulan sahaja dan akan berakhir pada 31 Julai 2026.

Permohonan tersebut bolehlah dihadapkan terus ke Pejabat Tanah Daerah masing-masing mengikut kedudukan tanah yang akan diisytiharkan.

Bagi Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, permohonan bolehlah dihadapkan ke Bahagian Registri dan Hakmilik Strata di Tingkat Bawah, Jabatan Tanah. Sebarang pertanyaan, orang awam bolehlah berhubung terus ataupun menghadirkan diri ke Pejabat Tanah Daerah berkenaan pada waktu pejabat.

Untuk maklumat lanjut mengenai pindaan ini, orang awam bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Tanah di *www.land.gov.bn* ataupun mengakses akaun Instagram rasmi jabatan di *@jabatantanah.bn*.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# Majlis Resepsi Iftar anjuran Suruhanjaya Tinggi Kanada






YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Iftar yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri sekali dan kiri).

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**>> Muka 1**

Dalam ucapan alu-aluannya, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy menekankan hubungan persahabatan yang sekian lama terjalin antara kedua-dua negara serta menyorot peranan penting NBD sebagai anggota Pengasas Association of Southeast Asian Nations (ASEAN).

Beliau turut menyatakan komitmen berterusan Kanada dalam memperkukuh kerjasama bersama ASEAN, khususnya dalam bidang perdagangan, hubungan antara rakyat serta kestabilan serantau.

Beliau berkata, "Daripada dialog ASEAN hingga ke forum pelbagai hala, kita terus bekerjasama secara konstruktif ke arah masa depan yang lebih selamat, mampan dan makmur untuk rakyat serta dunia".

Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy juga merakamkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia buah kurma serta berkongsi pengalaman pertama beliau menyambut Ramadan di negara ini, yang disifatkannya sebagai bulan penuh refleksi, kemurahan hati dan kebersamaan sejagat.

Menyentuh perkembangan kerjasama ekonomi, beliau merujuk kepada penubuhan Dewan Perniagaan Kanada-Brunei pada tahun lalu sebagai petanda jelas peningkatan minat dalam memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala.

Mengulas mengenai tahun 2026, beliau menyatakan ia bakal menjadi tahun signifikan bagi kedua-dua negara. Ketika Negara Brunei Darussalam meraikan detik-detik penting termasuk Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42 dan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Kanada pula akan menjadi tuan rumah bersama Kejohanan FIFA World Cup 2026 yang akan berlangsung di bandar Toronto dan Vancouver.

Kejohanan tersebut dijangka menjadi yang terbesar dalam sejarah FIFA, yang pertama menampilkan kerangka hak asasi manusia serta pertama dianjurkan secara bersama oleh tiga buah negara.

Tuan Yang Terutama turut menegaskan komitmen Suruhanjaya Tinggi Kanada untuk terus memperkukuh kerjasama, dialog dan hubungan persahabatan yang sedia terjalin antara Kanada dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Reza Ramadhani bin Ismaya, bekas pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, serta persembahan tausyeh oleh kumpulan Firqah Al Husni yang menambah pengisian rohani dan kebudayaan pada majlis berkenaan.

# ROMBONGAN TAIB BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Mac. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad, telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis keagamaan tersebut diadakan khusus bagi paduka ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Bengkurong, Awang Mohammad Zahid Zakwan@Mohammad Thaib Hasbullah bin Mohd. Said.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penasihat Syariah serta pegawai dan kakitangan lelaki Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.

Lebih 200 warga Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya hadir mengimarahkan majlis tersebut dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak ini.

Majlis seumpama ini merupakan antara kegiatan keagamaan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya sepanjang bulan Ramadan, sejajar dengan usaha memperkukuh nilai-nilai kerohanian dan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga institusi.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.




# KEMENTERIAN KESIHATAN ADAKAN MAJLIS BERTADARUS, PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman





**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Quran dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena Bulan Ramadan (kanan dan atas).**

**>> Muka 1**

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Majlis Bertadarus dan diselajurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan juga bagi pegawai dan kakitangan hospital yang sudah kembali ke rahmatullah.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menyampaikan sumbangan derma kepada 17 orang anak yatim yang terdiri daripada anak-anak warga kakitangan hospital.

Majlis Bertadarus Al-Quran ini merupakan wadah pengisian rohani yang diadakan bagi memperkukuhkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan warga Kementerian Kesihatan, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Melalui pembacaan dan *tadabbur* ayat-ayat suci Al-Quran, majlis ini bukan sahaja menjadi platform mempertingkatkan amalan ibadah, malah menyemai budaya kerja yang berintegriti, berempati dan berteraskan nilai-nilai murni selaras dengan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

## HALUAN

**>> Muka 2**

Seiring dengan perubahan ini, inovasi teknologi, termasuk Kecerdasan Buatan (AI), telah muncul sebagai kuasa struktur penting yang mempengaruhi produktiviti, kecekapan dan daya saing. Pada tahun 2025 sahaja, pendapatan pasaran AI global meningkat dengan ketara sebanyak 22 peratus kepada anggaran USD757 bilion dan dijangka mencapai USD3.68 trilion menjelang 2034. Melihat kepada pasaran ekuiti pada 2025, Indeks MSCI World meningkat hampir 20 peratus, dengan keuntungan terutamanya dipacu oleh saham berkaitan AI, yang menyumbang kira-kira 30 peratus daripada indeks. Ini menunjukkan pengaruh yang tidak seimbang syarikat-syarikat berkaitan AI terhadap prestasi indeks, hasil daripada pulangan dan peningkatan penilaian yang kukuh. Dalam sektor kewangan, AI semakin menjadi teras dalam cara risiko dinilai, modal diagihkan, dan nilai dijana, sekali gus mengubah pengurusan risiko, pengesanan penipuan, penilaian kredit dan analitik pelaburan, sambil meningkatkan kecekapan operasi di seluruh institusi.

Sehubungan itu, penggunaan teknologi baharu secara bertanggungjawab dan tadbir urus yang baik kekal amat penting. Sejajar dengan itu, BDCB terus menggalakkan amalan yang baik melalui penglibatan dalam peraturan, dialog industri dan pembangunan kapasiti dalaman, bagi memastikan inovasi berkembang selaras dengan mandat kita terhadap kestabilan kewangan dan keyakinan awam.

Di peringkat serantau, Negara-negara Anggota ASEAN, termasuk Negara Brunei Darussalam, telah mengiktiraf kepentingan penggunaan AI secara bertanggungjawab dan inklusif. Pelan Tindakan AI Bertanggungjawab ASEAN 2025 menyediakan rangka strategik untuk membimbing pembangunan dan penerapan AI dengan cara yang menyokong inovasi sambil menjaga kepercayaan, etika, dan kestabilan.

Di peringkat nasional pula, BDCB terus menyokong transformasi digital dan inovasi dalam sektor kewangan. Berdasarkan usaha berterusan untuk memperkukuh infrastruktur dan kecekapan kewangan, Pelan Tindakan Pembayaran Digital 2026-2030 yang akan datang akan menumpukan kepada peningkatan keselamatan, keterangkuman, dan daya saing, sekali gus mengukuhkan tarikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelaburan jangka panjang yang kukuh dan kredibel.

Program hari ini direka untuk meneroka dinamik ini dengan lebih mendalam. Para pembicara dan ahli panel kita akan berkongsi perspektif mengenai prospek ekonomi dan pelaburan bagi tahun 2026, merangkumi perkembangan pasaran, risiko dan peluang. Saya menggalakkan penyertaan aktif daripada hadirin kerana pandangan dan soalan awda akan memperkaya perbincangan.

Sebelum saya mengakhiri, marilah kita merenung sekali lagi tema majlis hari ini iaitu 'Progress rarely occurs without pressure'. Namun, dalam ketegangan global hari ini, terdapat peluang untuk berinovasi, menyesuaikan diri, dan membina sistem ekonomi serta kewangan yang lebih tahan dan lestari.

Terima kasih, dan saya mengucapkan semoga hari ini membawa manfaat dan pemahaman yang mendalam kepada semua.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Semarak Ramadan dengan Tadarus Al-Quran



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**KAMPUNG JANGSAK,** Khamis, 5 Mac. - Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Daerah Brunei dan Muara (DBM) berlangsung di Masjid Jubli Perak, Kampung Jangsak, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah diikuti dengan Majlis Bacaan Tadarus Al-Quran dan Bacaan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Jubli Perak, Kampung Jangsak, Awang Mohammad Sahlan bin Rosalan.

Majlis juga diisikan dengan penyampaian derma kepada 14 anak yatim dan wakaf yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim / Kampung dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang terdiri dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung DBM berserta penduduk kampung sekitarnya.



**MAJLIS juga diisikan dengan penyampaian derma kepada anak yatim yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

# KHEDN ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil (kiri), manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bagi rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah diadakan pagi tadi bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Bacaan Surah Al-Fatihah, Surah Yaa Siin dan Tahlil di majlis tersebut dipimpin oleh Imam Tingkat I, Awang Muhd. Arif bin Haji Johari.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di kalangan penghulu dan ketua kampung, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dari keempat-empat daerah.

# Menandatangani buku takziah

**Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Mac. - Berikutan Pemimpin Tertinggi Republik Islam Iran, Ayatollah Sayyed Ali Khamenei yang terkorban akibat serangan di kediamannya pada pagi Sabtu, 28 Februari 2026, bersamaan 10 Ramadan 1447, sebuah buku takziah telah dibuka di Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Buku takziah berkenaan telah dibuka pada Khamis, 5 Mac 2026, dan akan terus dibuka pada Jumaat, 6 Mac 2026, dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Pegawai-pegawai kanan NBD, orang awam, serta ketua-ketua kor diplomatik di negara ini telah hadir ke kedutaan untuk menandatangani buku takziah dan menyampaikan ucapan simpati mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, telah menandatangani buku ucapan takziah berkenaan bagi pihak Kerajaan NBD.

Semasa majlis berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan menjelaskan mengenai perkembangan terkini di rantau berkenaan.

Tuan Yang Terutama turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan NBD kerana mengutuk serangan terhadap Republik Islam Iran serta atas solidariti yang ditunjukkannya dalam tempoh yang sukar berkenaan.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menandatangani buku ucapan takziah berkenaan bagi pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam.**

# BDCB bertahlil di Kubah Makam Diraja



**MAJLIS yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB; Timbalan Mufti Kerajaan selaku Ahli Lembaga Pengarah BDCB serta pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki BDCB.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan tersebut dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin selaku Ahli Lembaga Pengarah BDCB serta pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki BDCB.

Bacaan Surah Al-Fatihah, Surah Yaa Siin, dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Muhammad Azrol Azmi bin Haji Zaini.

# KOD PAKAIAN, TATACARA SEMASA DI DALAM DEWAN PERSIDANGAN MMN

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan bermula pada Khamis, 22 Ramadan 1447H bersamaan 12 Mac 2026M.

Pakaian rasmi bagi Ahli-ahli MMN, iaitu Ahli Rasmi Kerana Jawatan : Pakaian seragam (uniform) dengan bertanjak (Dastar) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan; Ahli Yang Dilantik (lelaki) : Pakaian seragam (uniform) atau pakaian kebangsaan hitam dengan bertanjak (Dastar) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan; dan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Dilantik (perempuan) : baju kurung / bertudung (hitam) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan.

Sementara bagi Jemputan Khas, iaitu Wazir-wazir, Pengiran-pengiran Cheteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei : Pakaian seragam (uniform) dengan bertanjak (Dastar) dan memakai Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan; dan bagi yang tidak mempunyai uniform yang diberikan keistimewaan kedudukan di Dais : Pakaian kebangsaan hitam dengan bersongkok / bertudung berserta Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan.

Manakala, bagi jemputan-jemputan lain : Pakaian kebangsaan hitam / *lounge suit* hitam dan bersongkok / bertudung (Hitam).

Sekolah-sekolah dan institusi pendidikan yang berhasrat untuk membuat lawatan sambil belajar pada hari-hari persidangan adalah dipohonkan untuk menghadapkan permohonan melalui persuratan, sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan sambil belajar kepada Urus Setia MMN, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam; sementara murid-murid / penuntut-penuntut / mahasiswa-mahasiswi dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Kod Pakaian yang disediakan, manakala murid-murid / penuntut-penuntut / mahasiswa-mahasiswi dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Dewan Persidangan.

Orang ramai termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang hadir untuk melihat dan mendengar persidangan di Dewan Persidangan dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Kod Pakaian yang disediakan.

Orang ramai termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Dewan Persidangan.

Mahasiswa - mahasiswi hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju lengan panjang, seluar panjang dan bersongkok (bagi mahasiswa) / baju kurung dan bertudung (bagi mahasiswi) dan kasut kerja, sementara murid-murid / penuntut-penuntut sekolah hendaklah memakai pakaian seragam sekolah masing-masing (*school uniform*) dan kasut sekolah.

Orang ramai (termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan), iaitu bagi lelaki hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang (*lounge suit*) serta tali leher atau pakaian Melayu Islam Beraja atau Baju Melayu lengkap dengan sinjang dan bersongkok, memakai *blazer* hitam atau warna gelap dan kasut kerja.

Sementara bagi perempuan pula hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju kurung atau baju kemeja lengan panjang dan seluar / skirt labuh panjang (*lounge suit*) dan bertudung (bagi yang beragama Islam), memakai *blazer* hitam atau warna gelap, dan kasut kerja.

Manakala, pakaian yang tidak dibenarkan ialah pakaian seperti topi atau cap / baju lengan pendek atau baju 'T' atau sukan / seluar jeans atau pendek atau sukan/ *skirt* pendek/ *leggings* / sandal / selipar.

Ditegah merokok sama ada di dalam dan di luar kawasan Bangunan Dewan Majlis, dilarang mengambil gambar atau video di dalam dewan semasa persidangan sedang dijalankan (peraturan ini dikecualikan bagi pihak-pihak yang telah diberikan kebenaran), orang ramai atau pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan adalah ditegaskan untuk mengaktifkan telefon bimbit masing-masing kepada mod senyap (*silent mode*) semasa berada di dalam Dewan Persidangan, ditegah membawa benda-benda yang berbahaya yang boleh mengancam keselamatan dan tapisan keselamatan akan dibuat sebelum memasuki Bangunan Dewan Majlis.

Sementara itu, dilarang membuat bising atau bercakap-cakap semasa persidangan dijalankan, dilarang membuang sampah di dalam Dewan Persidangan dan gunakan tempat pembuangan sampah yang disediakan di dalam Bangunan Dewan Majlis, tidak dibenarkan makan atau minum di dalam Dewan Persidangan dan patuhi tatacara untuk masuk dan keluar dewan semasa persidangan sedang dijalankan.

Sebarang pertanyaan, bolehlah ditujukan kepada pihak Urus Setia MMN, iaitu Urus Setia MMN, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam atau melalui talian +673 2380501 atau faks +673 2385500 atau e-mel *majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn*.

Dokumen persidangan seperti Penyata Rasmi, Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di *www.majlis-mesyuarat.gov.bn* atau *www.councils.gov.bn*.

Bagi perkhidmatan jurubahasa (*translation services*) bolehlah menghadapkan permohonan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum menghadiri persidangan melalui talian +673 2380501 sambungan 221 atau e-mel *majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn*.

# Usaha kolektif memelihara, melindungi tumbuhan perubatan, aromatik

**Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Hidupan liar merangkumi spesies flora dan fauna yang didapati di hutan, sungai, serta persekitaran semula jadi yang lain, dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada biodiversiti serta keseimbangan ekosistem.

Pada tahun 2013, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah secara rasmi mengisytiharkan 3 Mac sebagai Hari Hidupan Liar Sedunia (World Wildlife Day) bagi meraikan dan meningkatkan kesedaran global terhadap haiwan dan tumbuhan liar di seluruh dunia. Sambutan antarabangsa ini mengiktiraf kepentingan hidupan liar dan biodiversiti sebagai tunjang utama yang menyokong keutuhan ekosistem, kesejahteraan manusia, warisan budaya, dan pembangunan mampan.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam perutusan sempena Hari Hidupan Liar Sedunia 2026.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkata, Tema Hari Hidupan Liar Sedunia bagi tahun 2026 ialah 'Tumbuhan Perubatan dan Aromatik: Memelihara Kesihatan, Warisan dan Mata Pencarian'. Tema ini menekankan peranan penting spesies tumbuhan perubatan dan aromatik dalam menyokong sistem kesihatan manusia, memelihara pengetahuan tradisional, mengekalkan warisan budaya, serta menyumbang kepada keperluan komuniti dan pembangunan ekonomi yang mampan.

Yang Berhormat dalam perutusan tersebut juga mengongsikan, tumbuhan perubatan dan aromatik merupakan komponen penting biodiversiti dan memainkan peranan besar dalam menyokong kesejahteraan kehidupan manusia serta kesihatan ekosistem secara amnya, antaranya melalui penyediaan sumber semula jadi bagi ubat-ubatan, rawatan tradisional, minyak pati (*essential oils*) dan produk terapeutik yang menyokong dan membantu di dalam sistem kesihatan awam.

Sebagai contoh, halia lazimnya digunakan untuk membantu penghadaman dan mengurangkan keradangan; manakala tumbuhan aromatik seperti serai digunakan dalam penghasilan minyak pati dan amalan perubatan tradisional dan menyokong sumber pendapatan mampan dan ekonomi tempatan melalui aktiviti penuaian berasaskan komuniti, penanaman, serta pembangunan industri nilai tambah. Sebagai contoh, penanaman dan pemprosesan herba menjadi teh herba, produk kesihatan, *balm* tradisional, dan minyak pati mewujudkan peluang menjana pendapatan bagi komuniti serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana serta mengukuhkan daya tahan ekosistem melalui pemuliharaan biodiversiti, kestabilan habitat, dan keseimbangan ekologi.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, spesies tumbuhan perubatan dan aromatik kini berhadapan dengan ancaman yang semakin meningkat akibat kemusnahan habitat, penebangan hutan, perubahan iklim, amalan penghasilan tidak mampan, perubahan guna tanah, dan kehilangan biodiversiti. Tekanan ini bukan sahaja mengancam spesies tumbuhan, malah turut menjejaskan sistem pengetahuan tradisional, ketahanan sistem kesihatan, serta mata pencarian komuniti yang bergantung kepada sumber semula jadi ini.

Sehubungan itu, Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, Negara Brunei Darussalam telah mewujudkan rangka kerja perundangan dan dasar yang komprehensif bagi menekankan prinsip pemuliharaan, pengurusan lestari, serta penggunaan biodiversiti secara mampan, termasuk dalam menangani ancaman-ancaman yang dinyatakan di atas. Ini termasuk Akta Hutan (Penggal 46), Dasar Perhutanan Negara, serta Dasar Biodiversiti Kebangsaan dan Pelan Tindakan Strategik (NBPSPA) 2024-2030.

"Usaha untuk melindungi tumbuhan perubatan dan aromatik seperti gaharu termasuk pemeliharaan habitat semula jadi di dalam hutan simpan, pengukuhan penguatkuasaan undang-undang terhadap penuaian haram, serta pelaksanaan program pemuliharaan dan pemulihan hutan.

"Usaha-usaha ini disokong melalui inisiatif penanaman secara mampan bagi mengurangkan tekanan terhadap populasi liar, serta melalui penyelidikan biodiversiti, kempen kesedaran awam dan penglibatan komuniti. Inisiatif-inisiatif ini dipandu oleh rangka kerja utama di peringkat nasional dan antarabangsa, termasuk NBPSPA 2024-2030, Wawasan Brunei 2035, dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) terutamanya SDG 13 (Tindakan Iklim) dan SDG 15 (Kehidupan di Daratan), yang secara kolektif menekankan pengurusan sumber secara mampan, pemuliharaan biodiversiti, dan perlindungan jangka panjang terhadap spesies bernilai tinggi dan terancam," jelas Yang Berhormat.

Dasar Perhutanan Negara, tambah Yang Berhormat, adalah bertanggungjawab dalam memelihara, membangunkan dan mengurus sumber hutan bagi tujuan pemuliharaan, meningkatkan kualiti hidup, mempromosikan kesejahteraan sosial, politik dan ekonomi, memajukan pembangunan negara, serta memastikan kestabilan alam sekitar dan keseimbangan ekologi untuk jangka panjang.

Selain itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, NBPSPA 2024-2030 menyediakan rangka kerja menyeluruh bagi pemuliharaan biodiversiti dan pengurusan mampan. Di bawah dasar ini, Jabatan Perhutanan, melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, memberi tumpuan kepada pemeliharaan ekosistem hutan yang menjadi habitat penting bagi spesies tumbuhan perubatan dan aromatik. NBPSPA menggalakkan penggunaan sumber biologi secara mampan, perlindungan habitat, dan penglibatan komuniti, bagi memastikan usaha pemuliharaan menyokong ketahanan ekosistem, memelihara pengetahuan tradisional, mengekalkan warisan budaya, serta menyokong kelestarian kehidupan masyarakat setempat.

"Walau bagaimanapun, pemuliharaan tumbuhan perubatan dan aromatik bukanlah tanggungjawab satu institusi semata-mata. Ia memerlukan komitmen dan kerjasama kolektif antara agensi kerajaan, sektor swasta, institusi akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat dan masyarakat awam. Di peringkat komuniti, individu boleh menyumbang melalui sokongan terhadap amalan penghasilan mampan, perlindungan habitat semula jadi, penggalakan pemeliharaan alam sekitar, serta pendidikan generasi muda tentang kepentingan pemuliharaan biodiversiti dan pengetahuan tradisional," tambah Yang berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat menggalakkan komuniti tempatan, termasuk para penyelidik, dan pengusaha untuk mempergiatkan usaha di dalam penyelidikan dan pembangunan terhadap tumbuhan ubatan dan aromatik. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan ekonomi tetapi ia hendaklah berlandaskan prinsip penggunaan dan pengurusan biodiversiti secara mampan.

Usaha kolektif ini, jelas Yang Berhormat, akan menghasilkan manfaat jangka panjang kepada negara, termasuk peningkatan ketahanan kesihatan awam, pemerkasaan pemeliharaan warisan budaya, mata pencarian mampan, kestabilan ekosistem, mitigasi perubahan iklim, serta peluang ekonomi melalui ekopelancongan, industri herba dan perusahaan berasaskan biodiversiti.

"Sebagai kesimpulan, marilah kita bersatu dalam usaha memelihara dan melindungi tumbuhan perubatan dan aromatik serta habitat semula jadinya. Melalui tindakan strategik seperti perlindungan habitat, pengurusan hutan mampan, pemuliharaan berasaskan komuniti, pemeliharaan pengetahuan tradisional, penyelidikan saintifik dan peningkatan kesedaran awam, kita dapat menjamin kesihatan, warisan dan mata pencarian untuk generasi masa kini dan akan datang. Melindungi tumbuhan perubatan dan aromatik hari ini merupakan satu pelaburan dalam ketahanan ekologi, kesinambungan budaya, dan pembangunan negara yang mampan," ujar Yang Berhormat dalam mengakhiri perutusan sempena Hari Hidupan Liar Sedunia 2026.

# WARGA RB BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Mac. - Seramai 50 pegawai dan kakitangan dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) petang tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bersempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir mengetuai rombongan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pengerusi RB.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Timbalan Pengerusi RB; serta pegawai dan kakitangan dari Sabre Travel Network Brunei.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan seterusnya tahlil beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim.

Majlis tahunan berkenaan dikelolakan oleh Jawatankuasa Kebajikan dan Hal Ehwal Ugama RB 2024 hingga 2026.



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) hadir mengetuai rombongan RB di Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bersempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Kubah Makam Diraja.**

# 14 terima bantuan modal keusahawanan





**PENYAMPAIAN sumbangan kewangan (bantuan modal perniagaan) YSHHB kepada penerima Bantuan Modal Keusahawanan Tahun 2026 disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB (atas dan kanan).**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**>> Muka 1**

Penyampaian sumbangan kewangan (bantuan modal perniagaan) YSHHB kepada penerima Bantuan Modal Keusahawanan Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Sebelum dipertimbangkan untuk menerima modal perusahaan atau perniagaan di bawah SPK, pada peserta diwajibkan untuk menjalani beberapa program latihan iaitu Program Asas Bakarih yang dirangka khas bagi memberikan kemahiran serta pengetahuan keusahawanan yang dikendalikan oleh YSHHB dengan kerjasama rakan strategik LiveWIRE Brunei.

Sejak SPK mula dilaksanakan pada tahun 2015 dan sehingga 2025, seramai 142 orang Usahawan Bekarih telah berjaya dilahirkan.

Melalui bantuan modal, latihan dan pemantauan, mereka telah berjaya mengusahakan beberapa jenis perusahaan seperti makanan dan minuman, pertanian, perkhidmatan cuci kereta dan bengkel kereta; pembuatan perabot dan kraf tangan dan sebagainya dan hari ini, seramai 14 orang Usahawan Bekarih YSHHB bakal dilahirkan.

Semua penerima bantuan memanjatkan syukur dan berterima kasih atas sumbangan yang diberikan kepada mereka termasuk Awang Roslan bin Haji Mohd. Yussof dan Dayang Norsharita binti Rosman.

Awang Roslan dari Hazimah Roslan Enterprise yang kini berkecimpung dalam pembuatan songkok hanya mengusahakan perniagaan secara *homebased* untuk menerima tempahan daripada para pelanggannya.

Beliau yang mempunyai tujuh tanggungan dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Sungai Buloh, Bukit Sibanging berhasrat dengan adanya bantuan itu akan digunakan untuk membeli barangan jahitan dan juga mesin agar produksi songkok dapat dihasilkan dengan lebih banyak terutama sekali pada musim yang begitu banyak permintaan.

Sementara Dayang Norsharita yang mempunyai perniagaan sendiri iaitu Rita Healthy Care Enterprise bercita-cita untuk mempunyai ruang kedai sendiri pada masa akan datang sekali gus memperkenalkan perkhidmatan urut dan bekamnya yang dibukakan khas bagi wanita sahaja.

Buat ketika ini, ibu tunggal yang mempunyai empat orang anak itu merasa gembira dengan menggunakan kemahiran beliau setelah belajar berurut dengan menawarkan perkhidmatan urut dan dalam masa yang sama, mendapatkan lagi mata pencarian bagi menyara keluarga beliau dan setentunya dapat membantu pelanggan beliau terus sihat menerusi khidmat urut dan bekam yang disediakan.

Setentunya kesemua mereka berharap usaha perniagaan yang sekarang bermulanya dari rumah ini akan dapat melebarkan sayap perniagaan mereka untuk menjadi usahawan berjaya yang bukan sahaja memperbaiki ekonomi keluarga malah menabur bakti dan kebajikan buat masyarakat dengan perkhidmatan atau niaga yang mereka usahakan.

**AWANG Roslan bin Haji Mohd. Yussof dari Hazimah Roslan Enterprise dan Dayang Norsharita binti Rosman yang mempunyai perniagaan sendiri iaitu Rita Healthy Care Enterprise (kanan dan kanan sekali).**





## Pengendalian penerbangan terus NBD ke London

Siaran Akhbar : Royal Brunei Airlines

**BANDAR SERI BEGAWA**N, Jumaat, 6 Mac. - Sebagai tindak balas terhadap situasi ruang udara serantau semasa yang menjejaskan operasi penerbangan, Royal Brunei Airlines (RB) akan mengendalikan perkhidmatan penerbangan terus antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan London bagi mengekalkan sambungan perjalanan untuk penumpang antara kedua-dua destinasi tersebut.

Perkhidmatan penerbangan terus ini akan beroperasi tiga kali seminggu bermula 10 hingga 28 Mac 2026. Pelarasan operasi ini dibuat susulan penggantungan sementara perkhidmatan melalui Dubai disebabkan situasi serantau semasa.

Pelarasan ini membolehkan RB terus mengekalkan sambungan perjalanan bagi penumpang yang melakukan perjalanan antara NBD dan United Kingdom, sambil terus mengutamakan keselamatan penumpang dan anak kapal.

RB sedang memantau perkembangan situasi dengan teliti dan akan membuat pelarasan lanjut terhadap operasi penerbangan jika perlu. Susunan operasi ini bertujuan untuk menyokong sambungan perjalanan semasa situasi ini dan akan terus dikaji semula mengikut perkembangan keadaan.

Penumpang yang mempunyai tempahan pada penerbangan yang terjejas akan dihubungi dan diberikan pilihan perjalanan yang tersedia. Pelanggan juga digalakkan untuk menyemak kemas kini terkini melalui saluran komunikasi rasmi RB.

Keselamatan penumpang dan anak kapal kekal sebagai keutamaan tertinggi bagi RB. Untuk maklumat lanjut, sila layari *www.flyRB.com*.

# MESYUARAT ASCC TEGASKAN KOMITMEN ASEAN INKLUSIF BERDAYA TAHAN







**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat ASCC Ke-35 yang telah diadakan pada 5 Mac 2026 di Makati City, Republik Filipina (atas dan atas kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**MAKATI, REPUBLIK FILIPINA**, Jumaat, 6 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri Mesyuarat ASCC Ke-35 yang telah diadakan pada 5 Mac 2026 di Makati City, Republik Filipina.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Secretary of Social Welfare and Development, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rex Gatchalian, di bawah tema Kepengerusian ASEAN Filipina, 'Navigating Our Future, Together'. Republik Demokratik Timor-Leste telah menyertai mesyuarat ini buat pertama kalinya sebagai Ahli ASEAN.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-menteri ASCC menegaskan semula komitmen bersama untuk memajukan ASEAN yang berteraskan rakyat, inklusif dan berdaya tahan, sejajar dengan peralihan daripada Pelan Tindakan ASCC 2025 kepada pelaksanaan Pelan Strategik ASCC di bawah Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Menteri-menteri ASCC turut mengiktiraf peranan penting ASEAN Database for Monitoring and Evaluation (ADME) System serta menekankan kepentingan penyelarasan rentas-tonggak dan rentas-sektor dipertingkatkan bagi memastikan inisiatif-inisiatif ASEAN memberi impak yang boleh diukur dan bermakna kepada masyarakat di rantau ini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Menteri-menteri ASCC lain telah menyatakan sokongan terhadap keutamaan-keutamaan ASCC Filipina dalam membina keluarga yang berdaya tahan dan perkasa, inklusiviti sosial, belia bijak dan inovatif serta masa depan yang mampan dan terjamin dari segi keselamatan makanan.

Yang Berhormat turut menekankan peranan utama institusi keluarga dan mengongsikan pengemaskinian terhadap Pelan Tindakan Institusi Keluarga Kebangsaan NBD bagi memastikan ia kekal relevan dengan keperluan semasa.

Peranan kolektif Badan-badan Sektoral ASCC dalam memperkasa belia turut diketengahkan, khususnya dalam mempersiapsiagakan belia ke arah membina komuniti yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana, dan telah mengongsikan mengenai pengenalan modul pengurusan bencana dalam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Yang Berhormat bersama Menteri-menteri ASCC, turut memuji usaha dalam memajukan inisiatif komunikasi dan penyebaran maklumat Pelan Strategik ASCC bagi memastikan pemilikan bersama (*collective ownership)* serta kefahaman yang menyeluruh terhadap pelan tersebut.

Yang Berhormat menegaskan bahawa walaupun ASEAN telah mencapai pelbagai kejayaan di bawah Pelan Tindakan ASCC 2025, ukuran sebenar kejayaan terletak pada sejauh mana dasar-dasar tersebut meningkatkan kehidupan seharian rakyat ASEAN dan menyeru bagi mekanisme pemantauan dan penilaian yang lebih berkesan dan penyelarasan yang lebih mendalam antara sektor dan tunggak ASEAN serta memperkukuh komunikasi dan jangkauan agar usaha ASEAN lebih difahami dan dirasai oleh rakyatnya.

Sebelum mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat turut menyertai Menteri-menteri ASCC serta wakil sebagai ahli panel dalam ASCC High Level Forum 2026 pada 4 Mac 2026, sebagai platform penting pengongsian pandangan ASCC di peringkat tinggi ketika ASEAN melangkah ke arah pelaksanaan Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Yang Berhormat menekankan kepentingan memperkasa belia ASEAN sebagai rakan peneraju dan arkitek bersama masa depan rantau ini dengan melangkaui penyertaan semata-mata ke arah kepimpinan belia yang bermakna serta penciptaan bersama dasar, berteraskan ASEAN *centrality and outward-looking* yang diperkukuh melalui penyelarasan rentas-tunggak.

Yang Berhormat turut menegaskan keperluan pendidikan holistik, pembelajaran sepanjang hayat dan ekosistem inovasi bagi melengkapkan belia dengan daya tahan dalam landskap global yang pesat berubah.

Antara lain, Yang Berhormat turut mengongsikan mengenai Youth Town Hall yang diadakan di NBD, sebagai platform bagi belia berbincang secara langsung bersama dengan para menteri untuk meningkatkan pengetahuan, permerkasaan dan kerjasama ke arah pertumbuhan ekonomi dan sosial NBD dan Bas Belia BIMP-EAGA yang diperkenalkan oleh NBD pada tahun 2025, yang telah memberikan pendedahan bermakna kepada para belia kepada kepelbagaian sosiobudaya, potensi ekonomi dan peluang kerjasama.

Forum tersebut telah diakhiri dengan pengesahan 'ASCC Ministerial Statement on Empowering ASEAN Peoples' yang menegaskan komitmen bersama ASEAN untuk memperkasa individu, keluarga dan komuniti sebagai agen perubahan aktif dalam pertumbuhan, integrasi dan proses menuju Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Mesyuarat Ke-35 Majlis ASCC dan ASCC High Level Forum 2026 telah didahului oleh Mesyuarat Ke-40 Senior Officials' Committee for ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA) yang diadakan pada 2-3 Mac 2026.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah disertai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari, selaku Ketua SOCA NBD dan Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

## Nyalaan lampu ungu sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026

**Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Mac. - Negara Brunei Darussalam akan menyemarakkan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 yang diraikan pada 8 Mac setiap tahun dengan menyalakan lampu berwarna ungu di beberapa mercu tanda utama.

Lokasi-lokasi yang terlibat dalam inisiatif ini termasuklah Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), Bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyalaan lampu akan berlangsung selama dua malam, bermula 7 hingga 8 Mac 2026 dari pukul 7.00 malam.

Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk memperingati sumbangan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang, tetapi juga sebagai tanda sokongan kepada usaha memperkasakan peranan wanita dalam masyarakat.

Warna ungu dipilih sebagai warna tema rasmi Sambutan Hari Wanita Antarabangsa, sejajar dengan amalan yang turut dilakukan di peringkat antarabangsa.

Warna ini melambangkan keadilan, martabat dan perpaduan dalam memperjuangkan hak serta kepentingan wanita.

Penyalaan lampu ungu juga mencerminkan sokongan Negara Brunei Darussalam terhadap usaha yang digerakkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam memperkasakan wanita di seluruh dunia.

Sebagai tanda sokongan dan penyertaan orang ramai dalam kempen ini, orang ramai digalakkan untuk mengambil gambar lokasi-lokasi yang diterangi cahaya ungu dan memuat-naiknya ke media sosial dengan menggunakan *hashtag* #HWA2026 atau #IWD2026.

Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesaksamaan jantina tetapi juga menggalakkan masyarakat untuk sama-sama menghargai dan meraikan pencapaian wanita dalam pelbagai aspek kehidupan.

Dengan adanya inisiatif ini, diharapkan ia dapat mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan penghargaan terhadap sumbangan wanita di Negara Brunei Darussalam serta di peringkat global.

# RAIH FADILAT, PAHALA DARIPADA PEMBACAAN AL-QURAN

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



| 75 | • Kampung Limau Manis<br>• Kampung Kuala Lurah<br>• Kampung Batang Perhentian<br>• Kampung Bukit<br>• Kampung Wasan | 201 | **ROZAIME BIN HAJI BUNAL** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Limau Manis |
| | | 202 | **MOHAMMAD ASDEY HAZABULLAH BIN HAJI MD ZAIN** (Imam Tkt III) | |
| 76 | Kampung Bebuloh | 203 | **MD IZZUL ISLAM BIN ABDULLAH** (Bilal Tkt II) | Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh |
| | | 204 | **SAIFULLAH BIN HAJI MUHAMMAD SOFIAN** (Pelapis Bilal) | |
| | | 205 | **SH'MINAN BIN AWANG HAJI SULAIMAN** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | |

>> MUKA V

# SENARAI NAMA-NAMA AMIL SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TAHUN 1447H BERSAMAAN 2026M

>> MUKA IV

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 77 | Kampung Junjongan | 206 | **HAJI HAYRUL BIN HAJI HAKIM** (Imam Tkt III) | Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan |
| | | 207 | **AWANG MUHAMMAD SALLEHUDDIN BIN MAHUDDIN** (Merbut) | |
| 78 | • Kampung Lumapas 'A'<br>• Kampung Lumapas 'B'<br>• Kampung Panchor | 208 | **HAJI AHMAD BIN HAJI MD HASSAN** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Lumapas |
| | • Kampung Kilugus<br>• Kampung Singkirap<br>• STKRJ Kampung Lumapas | 209 | **MUHAMMAD AIZAT BIN MOHAMMAD SAHMINAN** (Imam Tkt IV) | |
| | | 210 | **AWANG MUHAMMAD HILMI BIN MUHAMMAD ISKANDAR** (Bilal Tkt I) | |
| 79 | • Kampung Kasat<br>• Kampung Buang Sakar | 211 | **PENGIRAN MOHD AMIRUDDIN BIN PENGIRAN HAJI TEJUDIN** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Kasat |
| | | 212 | **MD AJIRIN BIN HAJI RUNGGING** (Imam Tkt IV) | |
| 80 | • Kampung Putat<br>• Kampung Baong | 213 | **MOHAMMAD AHMED HAASYER BIN HAJI SAMRY** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Putat |

**Jumlah Kawasan: 80** | **Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik: 213 Orang**

NOTA: **Tidak ada lantikan amil bagi Masjid Kampung Sungai Hanching kerana amil yang dilantik tahun lepas termasuk dalam senarai lewat dan tiada lantikan selama 1 tahun.**

## Senarai Nama-Nama Amil Daerah Tutong Bagi Tahun 1447-1448H / 2026-2027M

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | • Pekan Tutong<br>• Kampung Petani<br>• Kampung Bukit Bendera<br>• Kampung Sungai Basong<br>• Kampung Sungai Besar<br>• Kampung Suran<br>• Kampung Panchor Dulit<br>• Kampung Panchor Papan | 1 | **MOHAMMAD WAIZ BIN TAJUDDIN** (Imam Tkt I) | Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong |
| | | 2 | **SAHIBOL OMAR BIN HAJI YUSSOF** (Imam Tkt II) | |
| 2 | Balai Bomba Pekan Tutong / Lamunin / Kampung Bukit Beruang | 3 | **ABKS 98 AMINUDIN BIN HAJI KAMALUDIN** (Ahli Bomba) | Surau Balai Bomba Pekan Tutong, Lamunin & Bukit Beruang |
| 3 | • Kampung Sengkarai<br>• Kampung Serambangun | 4 | **ABDUL RAQIB BIN HAJI AWANG** (Imam Tkt III) | Masjid Pg Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai |
| | | 5 | **MOHAMMAD SYAFIQ BIN HAJI SAMRA** (Bilal Tkt II) | |
| 4 | • Kampung Penabai<br>• Kampung Kuala Tutong | 6 | **MUHD SYUWARI BIN ILHAM** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Penabai, Tutong |
| | | 7 | **MUHD ABU AFIQAH BIN LAMIT** (Imam Tkt IV) | |
| 5 | Kampung Penanjong, Tutong | 8 | **HAJI MOHD KARTOLO BIN HAJI ABANG** (Imam Tkt II) | Masjid Kampung Penanjong, Tutong |
| | | 9 | **DILLA AIYAD KASYIDI BIN AHMADI** (Imam Tkt IV) | |
| | | 10 | **MUHD MURAD BIN HAJI MOHD ZAIN** (Merbut) | |
| 6 | Kampung Keriam, Tutong | 11 | **MOHAMMAD FAUZI BIN HAJI ANUAR** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Keriam, Tutong |
| | | 12 | **HAJI KHALLIDDEN BIN HAJI MOHAMAD JAMIL** (Bilal Tkt I) | |
| 7 | Perkhemahan Tutong *(khas untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja)* | 13 | **MD SUFRI AL-JEFERIAH BIN YAHYA** | Surau Pengiran Ratna Indera, Perkhemahan Tutong |
| | | 14 | **HAJI ABU BAKAR BIN HAJI ABD RAHMAN** | |
| | | 15 | **19595 SJN MD HAFIY BIN MOHD ARIFFIN** | |
| | | 16 | **52997 LKPL MOHAMMAD MARZUQ HAFIZAMUDIN BIN MAAROF** | |
| 8 | Kawasan Penanjong Garison*(khas untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja)* | 17 | **MUHD SYAZWAN BIN MUHD NAZMI** | Surau Al-Hikmah, Penanjong Garison |
| | | 18 | **YAZID BIN AWANG HJ JOHARI** | |
| | | 19 | **50603 LKPL MUHD SYAFIQ NAQIUDDIN BIN MD ZAIDI** | |
| | | 20 | **53026 SLD MUHD AIMAN BIN SAILI** | |
| 9 | Kampung Luagan Dudok, Tutong | 21 | **KAMARUDIN BIN MD ALI** (Imam Tkt III) | Masjid Abd Azim, Kampung Luagan Dudok, Tutong |
| 10 | Kampung Bukit Panggal, Tutong | 22 | **HAJI KAMALUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal |
| 11 | Kampung Kupang, Tutong | 23 | **SAHRAN BIN HAJI MOHD SAFAR** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Kupang, Tutong |
| | | 24 | **HAJI JULAIADI BIN HAJI BAHA** (Bilal Tkt I) | |
| 12 | Kampung Sinaut, Tutong | 25 | **HAJI MOHD JAFNI FADHILLAH BIN HAJI JABIDI** (Merbut / Pmk Bilal) | Masjid Kampung Sinaut, Tutong |
| 13 | Kampung Sungai Kelugos, Tutong | 26 | **PENGIRAN MOHD ALI HANAFIAH BIN PENGIRAN HAJI TIMBANG** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Pg Anak Isteri Pg Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Tutong |
| | | 27 | **MUHD JALALLUDDIN BIN JUNAIDI** (Imam Tkt II) | |
| | | 28 | **MOHD NOOR ZAKWAN BIN HAJI MOHD NOOR** (Bilal Tkt II) | |
| 14 | Kampung Birau, Tutong | 29 | **AHMAD BIN HAJI ABD RAZAK** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Birau, Tutong |
| | | 30 | **MOHD ASYRAF SYAFIQ SYAZWAN BIN RENEY** (Bilal Tkt II) | |
| 15 | Kampung Kiudang, Tutong | 31 | **HAJI MAHRI BIN HAJI METUSIN** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Pg Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Tutong |
| | | 32 | **MOHD HIZBULLAH BIN HAJI MOHD NOAH** (Imam Tkt IV) | |
| | | 33 | **MUHD SAIFUL BAHRIN BIN IMRAN** (Merbut) | |
| 16 | Kampung Lamunin, Tutong | 34 | **MOHD KHAIRUL WAFIY BIN HAJI OTHMAN** (Bilal Tkt II) | Masjid Kampung Lamunin, Tutong |
| 17 | Kampung Menengah / Bukit Sulang, Tutong | 35 | **MOHAMMAD AZIM SHAH BIN ABDUL RAHMAN** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Menengah, Tutong |
| | | 36 | **KHAIRUL AMILIN BIN MOHAMMAD ALI** (Bilal Tkt II) | |
| 18 | Kampung Bang Dalam, Tutong | 37 | **HAZMAN BIN HAJI HUSSIN** (Imam Tkt IV) | Masjid Kampung Bang Dalam, Tutong |
| | | 38 | **MOHD ALIYAN BIN ABDULLAH SUAWAT** (Imam Tkt IV) | |
| 19 | Kampung Benutan, Tutong | 39 | **MUHD DIGUN BIN HAJI ABDUL HALIM** (Bilal Tkt I) | Masjid Kampung Benutan, Tutong |
| | | 40 | **HAJI NORSHAM BIN ROSLI** (Bilal Tkt I) | |
| 20 | Kampung Long Mayan, Tutong | 41 | **MUHD GHAZALI BIN MUHD ARIFFIN** (Pmk. Imam) | Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan, Tutong |
| 21 | Kampung Bukit, Tutong | 42 | **MUHD JILIMI BIN MUHD SOLIHEN** (Bilal Tkt II / Pmk. Imam) | Masjid Kampung Bukit, Tutong |
| 22 | Kampung Layong, Tutong | 43 | **HAJI MOHD NAZELLEY BIN NOORASHID** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Layong, Tutong |
| | | 44 | **MUHD YUSHASNI BIN HAJI MD YUSOF** (Bilal Tkt I) | |
| 23 | Kampung Tanjong Maya, Tutong | 45 | **MOHD LATIF BIN ZAINI** (Imam Tkt I) | Masjid Kampung Tanjong Maya, Tutong |
| | | 46 | **MOHD NURISYRAF BIN FAZRI** (Imam Tkt IV) | |
| 24 | Kampung Penapar, Tutong | 47 | **ABD WAFIY BIN HAJI ABD KADIROSHMAN** (Imam Tkt II) | Masjid Kampung Penapar, Tutong |
| | | 48 | **MUHD NUR HAMIZAN BIN HAJI YAKUB** (Bilal Tkt I) | |
| 25 | Kampung Lubok Pulau, Tutong | 49 | **HAJI AHMAD YANI ZULKARNAIN BIN HAJI YUSOF** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong |
| | | 50 | **MUHD SUHUD BIN HAJI RAZALI** (Imam Tkt IV) | |
| 26 | Kampung Bukit Udal, Tutong | 51 | **ALIMIN BIN ISMAIL** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong |
| | | 52 | **MOHD DANIEL SYAZWIE BIN AWG NAWI** (Pemangku Bilal) | |
| 27 | Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang, Tutong | 53 | **MUHAMMAD AISAMUDDIN BIN HAJI SELAMAN** (Imam Tkt II) | Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang, Tutong |
| | | 54 | **MUHD PADINI BIN TAI'AI** (Bilal Tkt II) | |
| 28 | Kampung Telisai, Tutong | 55 | **SAIPOL BIN ISMAIL** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Telisai, Tutong |
| | | 56 | **HAZWAN HAMIZAN BIN HAJI HAMINUDDIN** (Bilal Tkt I) | |
| 29 | Kampung Danau, Tutong | 57 | **ABDUL HADI BIN ABD RAHMAN** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Danau, Tutong |
| | | 58 | **AMINNOORRAHIM BIN ABD AMIN** (Bilal Tkt II) | |
| 30 | Kawasan Regimen Pasukan Khas *(khusus untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja)* | 59 | **MUHAMMAD RUSAINI BIN AWANG** (Guru Ugama, Kementerian Pertahanan) | Surau Asy-Syuja'ah, Rejimen Pasukan Khas, Penanjong Garison |
| | | 60 | **50357 L/KPL MD AMINUDDIN BIN HAJI MESRI** | |

**Jumlah Kawasan: 30** | **Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik: 60 orang**

## Senarai Nama-Nama Amil Daerah Belait Bagi Tahun 1447-1448H / 2026-2027M

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Hujung Tanjung, Kuala Belait | 1 | **AFIQ HARIRIE BIN HAJI MAT DAUD / HAJI AWANG MUHAMMAD** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait |
| | | 2 | **HAJI NOOR AZHAR BIN HAJI HARITH** (Imam Tkt III) | |
| 2 | Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Pusing keliling KM 6, Kuala Belait | 3 | **ABD QAYYUUM BIN HAJI AMINNUDDIN** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait |
| | | 4 | **ABDUL AZIM BIN HAJI ABDUL ADZID @ HAJI ABDUL MAJID** (Imam Tkt III) | |
| 3 | Dari Kampung Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait | 5 | **MUHAMMAD NOR ISLAM BIN MOHD SURIA** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Sungai Teraban |
| 4 | Dari Anduki hingga Lorong Lima, Seria | 6 | **HAJI AMINORDDIN BIN HAJI MD YUSSOF** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Pekan Seria |
| 5 | Dari Lorong Enam hingga pusing keliling KM 6, Kuala Belait | 7 | **MOHAMMAD FAKHRI BIN HAJI IBRAHIM** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid STKRJ Lorong Tiga Selatan, Seria |
| | | 8 | **MOHD SHAHIRWANDY BIN SAMSUDIN** (Imam Tkt IV) | |
| 6 | Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G, Lumut | 9 | **SOFFIAN BIN BIDIN** (Imam Tkt IV) | Masjid Zainab, Lumut |
| 7 | Dari Sempadan Belait /Tutong hingga B.L.N.G, Lumut | 10 | **MD ZULHILMI BIN MD JEFRI** (Imam Tkt III) | Masjid Kampung Sungai Liang |
| | | 11 | **MOHD IKHWAN BIN IRWANDY** (Imam Tkt III) | |
| 8 | Kawasan Bukit Sawat | 12 | **MOHAMMAD RIDAUDDIN BIN RAMLI** (Bilal Tkt II / Pemangku Imam) | Masjid Kampung Bukit Sawat, Ulu Belait |
| 9 | Kawasan Kampung Merangking | 13 | **MUHD FAUZIEE BIN MUHD ABD RAHMAN** (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | Balai Ibadat Kampung Merangking, Ulu Belait |
| 10 | Kawasan Kampung Sungai Mau | 14 | **PG MUHAMMAD ABDUL MALIK SYAFI'IE BIN PG HAJI MOHAMMAD ABD AZIZ** (Imam Tkt IV) | Masjid Al-Mashhor, Kampung Sungai Mau, Ulu Belait |
| 11 | Mukim Labi, Ulu Belait | 15 | **ABDUL QADIR BIN OSMAN** (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | Masjid Kampung Labi, Ulu Belait |
| 12 | • Kawasan Balai Bomba dan Penyelamat, Seria<br>• SPARK, Sungai Liang<br>• Labi, Kuala Belait | 16 | **ABKS 981 SHAHBRI BIN JALIL** (Ahli Bomba) | Balai Bomba Kuala Belait, Sg. Liang SPARK, Seria & Labi |

>> MUKA VI

# SENARAI NAMA-NAMA AMIL

## SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TAHUN 1447H BERSAMAAN 2026M

قليتا بروني
PELITA BRUNEI

>> MUKA V

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 13 | **Mukim Melilas, Ulu Belait** | 17 | **HAJI SAIFULLAH BIN ABD RAHMAN** (Bilal Tkt II Khas) | **Balai Ibadat Kampung Melilas, Ulu Belait** |
| 14 | **Mukim Sukang, Ulu Belait** | 18 | **HAJI HAUDIN BIN HAMDAN** (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | **Balai Ibadat Kampung Sukang, Ulu Belait** |
| 15 | **Kawasan Perkhemahan Lumut** *(khas untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja)* | 19 | **ABDUL HAKIM BIN HAJI BUJANG** (Guru Agama) | **Surau Ar-Rahmah, Perkhemahan Lumut** |
| | | 20 | **51909 LKPL MD NORASRIN BIN ABDUL RAHIM** | |
| 16 | **Kawasan Ibu Pejabat Polis Daerah Belait** *(Untuk Anggota PPDB dan penduduk berdekatan)* | 21 | **CPL 5396 WAN MAHDIR BIN WAN MD. IBRAHIM** (Bilal) | **Surau Polis Panaga** |
| | | 22 | **L/CPL 5308 KAMARULARIFFIN BIN HAJI IDRIS** (Bilal) | |

**Jumlah Kawasan: 16** **Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik:** **22 orang**

### Senarai Nama-Nama Amil Daerah Temburong Bagi Tahun 1447-1448H / 2026-2027M

| BIL | KAWASAN | BIL | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | • Kawasan Pekan Bangar Baru<br>• ABDB Bangar Kem<br>• Kampung Batang Tuau<br>• Kampung Seri Tanjong Belayang<br>• Barek Elektrik<br>• Kampung Samamang<br>• Kampung Kinalong<br>• Kampung Belingos<br>• Kawasan Pekan Bangar<br>• Barek Bomba<br>• Kampung Sungai Tanam<br>• Kampung Sungai Tanit<br>• Kampung Menangah<br>• Kampung Belayang | 1 | **MOHAMMAD SYAHMI BIN HAJI ZAINI** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | **Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar** |
| | | 2 | **NOREZAM BIN ZAINI** (Imam Tkt III) | |
| | | 3 | **HAJI MOHAMMAD FAIRUZ BIN HAJI SUHAILE** (Bilal Tkt I) | |
| 2 | **Perkhemahan Bangar** *(khas untuk kakitangan Pasukan ABDB serta keluarga sahaja)* | 4 | **MUHAMMAD MOAZZAM BIN AWANG MALALI** (Imam Tkt IV) | **Surau Al-Quwwah, Perkhemahan Bangar, Temburong** |
| | | 5 | **19377 KPL MD SAUFI SYAFIQ BIN MD SAFRI** | |
| | | 6 | **53634 SLD AIMAN BIN ABDULLAH** | |
| 3 | • Kampung Selangan<br>• Kampung Sumbiling<br>• Kampung Belaban Baru<br>• Kampung Sibulu | 7 | **HAJI MOHAMMAD SYAHMI BIN HAJI TUAH** (Bilal Tkt II) | **Masjid Kampung Selangan** |
| 4 | • Kampung Batu Apoi<br>• Kampung Negalang<br>• Kampung Perpindahan Gadong<br>• Kampung Selapon | 8 | **SHAMSUDDIN BIN HAJI AZAHARI** (Imam Tkt II) | **Masjid Kampung Batu Apoi** |
| | | 9 | **HAJI MOHAMMAD SALLEHUDDIN BIN HAJI SUHAIMI** (Imam Tkt III) | |
| 5 | • Kampung Bokok<br>• Kampung Meniup<br>• Kampung Bakarut<br>• Kampung Simbatang<br>• Kampung Kenua<br>• Kampung Lepong Lama<br>• Kampung Lepong Baru | 10 | **SOKHRATI @ MUHAMMAD HANAFI BIN HAJI BAHRUN** (Imam Tkt III) | **Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok** |
| | | 11 | **PENGIRAN MOHD DAUD BIN PENGIRAN HAJI YAAKUB** (Bilal Tkt II) | |
| 6 | • Kampung Belais<br>• Kampung Buda-Buda | 12 | **MOHD SAFWAN BIN ZOLKIPLE** (Imam Tkt IV) | **Masjid Kampung Belais** |
| | | 13 | **MOHAMMAD SAIFUL BAHRIN BIN HAJI YUNOS** (Bilal Tkt II) | |
| 7 | • Kampung Labu Estate<br>• Kampung Senukoh | 14 | **KHAIRULAMIRIN FITRI BIN SHAMSUDIN** (Imam Tkt II) | **Masjid Kampung Labu Estate** |
| | | 15 | **NORTAQIUDDIN BIN NORDIN** (Imam Tkt IV) | |
| 8 | **Kawasan Surau Kampung Piasau-Piasau** | 16 | **HAJI MOHD ZIN BIN HAJI KULLA** (Bilal Tkt I / Pmk Imam) | **Balai Ibadat Kampung Piasau-Piasau** |
| | | 17 | **HAJI MOHD ASHRAF BIN HAJI MAKMOR** (Merbut / Pmk Bilal) | |
| 9 | • Kampung Puni<br>• Kampung Ujong Jalan | 18 | **AZRY BIN HAJI MOHAMMAD YUSOFF** (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | **Masjid Kampung Puni** |
| 10 | **Kawasan Balai Ibadat Kampung Semabat** | 19 | **HAJI MOKHSIN BIN ABD KARIM** (Bilal Tkt I / Pmk Imam) | **Balai Ibadat Kampung Semabat** |
| 11 | **Kawasan Balai Ibadat Kampung Sibut** | 20 | **MOHD FUAD BIN MOHD YUSSOF** (Bilal Tkt II Khas) | **Balai Ibadat Kampung Sibut** |
| | | 21 | **KHAIROLRIZAN BIN IBRAHIM** (Bilal Tkt II / Pmk Imam) | |
| 12 | • Kampung Rataie<br>• Perpindahan Kampung Rataie<br>• STKRJ Kampung Rataie | 22 | **MAHDINI BIN KAMIS** (Imam Tkt I) | **Masjid RPN Kampung Rataie** |
| | | 23 | **RASHIDDY BIN HUSSEN** (Bilal Tkt I) | |
| | | 24 | **MOHAMAD SAHRUL BIN YA'AKUB** (Merbut) | |

**Jumlah Kawasan: 12** **Jumlah Amil Yang Dicadangkan Untuk Dilantik: 24 orang**

| BIL | RAMAI MUZAKKI | ZAKAT YANG WAJIB DIKELUARKAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | NILAI BERAS | | NILAI WANG | |
| | | KILO | GRAM | BERAS SIAM | BERAS WANGI |
| 1 | SEORANG | 2 | 268 | BND1.93 | BND2.84 |
| 2 | 2 Orang | 4 | 536 | BND3.86 | BND5.68 |
| 3 | 3 Orang | 6 | 804 | BND5.79 | BND8.52 |
| 4 | 4 Orang | 9 | 72 | BND7.72 | BND11.36 |
| 5 | 5 Orang | 11 | 340 | BND9.65 | BND14.20 |
| 6 | 6 Orang | 13 | 608 | BND11.58 | BND17.04 |
| 7 | 7 Orang | 15 | 876 | BND13.51 | BND19.88 |
| 8 | 8 Orang | 18 | 144 | BND15.44 | BND22.72 |
| 9 | 9 Orang | 20 | 412 | BND17.37 | BND25.56 |
| 10 | 10 Orang | 22 | 680 | BND19.30 | BND28.40 |
| 11 | 11 Orang | 24 | 948 | BND21.23 | BND31.24 |
| 12 | 12 Orang | 27 | 216 | BND23.16 | BND34.08 |
| 13 | 13 Orang | 29 | 484 | BND25.09 | BND36.92 |
| 14 | 14 Orang | 31 | 752 | BND27.02 | BND39.76 |
| 15 | 15 Orang | 34 | 20 | BND28.95 | BND42.60 |
| 16 | 16 Orang | 36 | 288 | BND30.88 | BND45.44 |
| 17 | 17 Orang | 38 | 556 | BND32.81 | BND48.28 |
| 18 | 18 Orang | 40 | 824 | BND34.74 | BND51.12 |
| 19 | 19 Orang | 43 | 92 | BND36.67 | BND53.96 |
| 20 | 20 Orang | 45 | 360 | BND38.60 | BND56.80 |
| 21 | 21 Orang | 47 | 628 | BND40.53 | BND59.64 |
| 22 | 22 Orang | 49 | 896 | BND42.46 | BND62.48 |
| 23 | 23 Orang | 52 | 164 | BND44.39 | BND65.32 |
| 24 | 24 Orang | 54 | 432 | BND46.32 | BND68.16 |
| 25 | 25 Orang | 56 | 700 | BND48.25 | BND71.00 |
| 26 | 26 Orang | 58 | 968 | BND50.18 | BND73.84 |
| 27 | 27 Orang | 61 | 236 | BND52.11 | BND76.68 |
| 28 | 28 Orang | 63 | 504 | BND54.04 | BND79.52 |
| 29 | 29 Orang | 65 | 772 | BND55.97 | BND82.36 |
| 30 | 30 Orang | 68 | 40 | BND57.90 | BND85.20 |

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

Menurut Mazhab Syafi'ie, Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam, beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.

Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilaian wang.

Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seseorang islam di negara ini bagi tahun 1447H bersamaan 2026M ialah **2 Kilo 268 Gram** atau dengan nilai wang seperti berikut:

**Jika Beras Wangi – BND2.84**
**Jika Beras Siam – BND1.93**

(Dengan nilaian wang ini bertaqlid kepada Mazhab Hanafi)

Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi dan Beras Siam).

Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka daripada kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu qaul adalah pada harganya, iaitu sebagai (berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin).

Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus.

Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (Puasa).

**"SESUNGGUHNYA sedekah-sedekah (Zakat)
itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin,
dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang
dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak
memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk
(dibelanjakan pada) jalan Allah,
dan orang-orang
musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.
(Ketetapan hukum yang demikian itu ialah)
sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah.
Dan (ingatlah) Allah Maha
Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."
- Surah At-Taubah, Ayat 60**

# Zakat Fitrah

BAGI TAHUN 1447H
BERSAMAAN 2026M

جابتن اوروسن زكاة، وقف دان بيت المال
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL
Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam

**Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di Negara ini ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:**

| Beras Wangi : | Beras Siam : |
|---|---|
| **$ 2.84** | **$ 1.93** |



## WAKTU MEMBAYAR

- **Waktu Harus:** Sejak dari awal bulan Ramadhan
- **Waktu Sunat:** Selepas sembahyang Subuh sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya
- **Waktu Wajib:** Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan
- **Waktu Makruh:** Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya
- **Waktu Haram:** Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.



## TEMPAT MEMBAYAR

- **Kaunter Perkhidmatan JUZWAB**
- **Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara**
- **Secara atas Talian melalui:**
  - **DST E-Zakat**
  - **BIBD**
  - **TAIB**
  - **PROGRESIF**
  - **IMAGINE**




رمضان كريم
SELAMAT MENJALANKAN IBADAH PUASA
2026M / 1447H
DARIPADA WARGA JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhuraikah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الإِسْتِغْفَارُ

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP

# MENGHIDUPKAN JIWA DENGAN AL-QUR'AN DI BULAN RAMADAN

جابتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 16 Ramadan 1447H / 06 Mac 2026M

---

**Imam al-Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin menyatakan bahawa terdapat beberapa adab yang perlu diberi perhatian ketika membaca al-Qur'an. Antara adab-adab tersebut ialah:**

- Hati hendaklah hadir dan fikiran hendaklah tertumpu pada al-Qur'an yang dibaca.
- Memahami kebesaran kalamullah, ketinggian dan keutamaannya.
- Menginsafi bahawa al-Qur'an itu bukan kata-kata manusia.
- Mengagungkan zat Allah SWT ketika membaca al-Qur'an.
- Bertadabbur ketika membaca al-Qur'an, di mana selain hati perlu hadir, akal pula berfikir dan memahami setiap ayat yang dibaca.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

# Menghidupkan jiwa dengan Al-Quran di bulan Ramadan




**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ad-Dukhan, ayat 3 :

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat. Sesungguhnya Kami ialah pemberi peringatan*".

Salah satu peristiwa agung dalam sejarah Islam yang berlaku pada bulan Ramadan ialah Nuzul Al-Quran. Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan sebagai kitab suci yang bukan sahaja dituntut untuk dibaca dan dilakukan dengan tartil, malah ia dijadikan sebagai rujukan utama dan panduan hidup dalam setiap aspek kehidupan sama ada dalam urusan akidah, ibadah, akhlak, muamalat, kekeluargaan, mahupun pentadbiran. Ia adalah petunjuk yang menyeluruh, membimbing manusia keluar daripada kegelapan kepada cahaya, daripada kesesatan kepada kebenaran serta daripada kebinasaan kepada keselamatan dunia dan akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Jathiyah, ayat 20 :

**Tafsirnya :** "*Al-Quran ini menjadi panduan bagi manusia dan petunjuk serta rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya)*".

Alhamdulillah, setiap kali hadirnya bulan Ramadan, terpancar suasana kesungguhan dalam kalangan umat Islam di negara ini untuk melipatgandakan amal kebajikan demi mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Antara amalan yang sering dihidupkan ialah membaca dan bertadarus Al-Quran. Imam Al-Ghazali Rahimahullah dalam kitabnya Ihya Ulumuddin, menyatakan bahawa terdapat beberapa adab yang perlu diberi perhatian ketika membaca Al-Quran. Antaranya adab tersebut ialah :

**Pertama :** Hati hendaklah hadir dan fikiran hendaklah tertumpu pada Al-Quran yang dibaca.

**Kedua :** Memahami kebesaran kalamullah, ketinggian dan keutamaannya.

**Ketiga :** Mengagungkan zat Allah Subhanahu Wata'ala ketika membaca Al-Quran.

**Keempat :** Menginsafi bahawa Al-Quran itu bukan kata-kata manusia.

**Kelima :** Bertaddabur ketika membaca Al-Quran, di mana selain hati perlu hadir, akal pula berfikir dan memahami setiap ayat yang dibaca, meneliti perintah dan larangan lalu menerima serta menginsafi.

Sesungguhnya amatlah rugi bagi sesiapa yang melalaikan diri daripada membaca Al-Quran, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Bulan yang sepatutnya menjadi medan untuk menyucikan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala seharusnya diisi dengan membaca kalamullah yang agung.

Membaca Al-Quran bukan sekadar amalan fizikal, akan tetapi ia adalah santapan rohani yang menghidupkan hati yang lesu, menyuburkan iman yang layu dan menyuluh jiwa yang gelap dengan cahaya hidayah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyebutkan dalam hadis Baginda mengenai kelebihan dan ganjaran yang dijanjikan kepada orang-orang yang membaca Al-Quran, antaranya :

Satu huruf Al-Quran yang dibaca mendapat satu pahala. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud, "*Barang siapa membaca satu huruf daripada kitab Allah (Al-Quran) maka baginya satu kebajikan dan satu kebajikan menyamai dengan 10. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim itu satu huruf tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf*".

Hadis ini jelas membuktikan betapa luasnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan betapa besar peluang pahala bagi orang yang mendekatkan diri dengan Al-Quran. Setiap huruf yang dibaca daripada Al-Quran tidak akan sia-sia, bahkan diberikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda.

Manakala di akhirat kelak, Al-Quran akan datang sebagai pemberi syafaat kepada orang yang membacanya. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Puasa dan Al-Quran itu meminta syafaat kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk seseorang hambanya pada hari kiamat. Berkata puasa : Ya Tuhan, aku telah menahannya daripada makan dan minum pada siang hari maka jadikanlah aku syafaat kepadanya. Dan berkata Al-Quran : Ya Tuhan, aku telah menahan orang itu daripada tidur (kerana membaca Al-Quran) pada malam hari, maka jadikanlah aku syafaat kepadanya. Lalu Allah Subhanahu Wata'ala memberi syafaat kepadanya dengan sebab permohonan kedua-duanya itu*". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Di bulan Ramadan yang mulia ini, marilah kita sama-sama merebut peluang keemasan untuk meraih sebanyak mungkin pahala dengan memperbanyakkan bacaan Al-Quran serta mentaddaburinya, memahami, menghayati dan mengamalkan isi kandungannya sebagai panduan hidup dalam setiap aspek kehidupan seharian.

Oleh itu, walau sesibuk mana pun kita dengan urusan dunia dan tuntutan kehidupan harian, janganlah sesekali kita abaikan atau alpa daripada meluangkan masa untuk membaca Al-Quran kerana setiap huruf yang dibaca bukan sahaja menjadi bekalan pahala, malah ia mampu menghidupkan jiwa yang kosong dan mendekatkan hati kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, marilah kita semua berazam untuk mengisi masa dan ruang di bulan yang penuh keberkatan ini dengan amal soleh dan menjadikan membaca Al-Quran sebagai amalan harian yang berterusan bukan hanya di bulan Ramadan sahaja akan tetapi di sepanjang hayat kita. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita semua akan dikurniakan syafaat, rahmat dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi*". (Surah Fathir, ayat 29)

# Memastikan kemaslahatan, kebajikan jemaah umrah sentiasa terpelihara





**KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji meneruskan sesi perjumpaan bersama syarikat-syarikat pengendali Pakej Umrah yang menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi yang dibenarkan (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BERAKAS,** Rabu, 4 Mac. - Bagi memastikan peraturan dan syarat pengendalian perkhidmatan pakej umrah sentiasa dipatuhi oleh syarikat-syarikat pengendali, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) telah meneruskan sesi perjumpaan bersama syarikat-syarikat pengendali Pakej Umrah yang menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi yang dibenarkan.

Perjumpaan berkenaan diadakan pagi tadi, bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU.

Dalam perjumpaan berkenaan, Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, menekankan kepentingan agar semua syarikat pengendali Pakej Umrah yang menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Antaranya, memastikan setiap jemaah umrah dilindungi oleh pelan takaful atau insurans yang komprehensif bermula dari saat meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sehingga kembali ke negara ini, bertujuan menjamin kemaslahatan dan kebajikan jemaah, jika berlaku perkara yang di luar jangkaan.

Selain itu, semua syarikat pengendali Pakej Umrah juga hendaklah sentiasa bersikap telus serta memberikan penjelasan yang lengkap kepada jemaah mengenai pakej umrah yang ditawarkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan atau salah faham.

Penjelasan berkenaan termasuklah berkaitan jarak hotel dari kawasan masjid, penyediaan makanan, jadual penerbangan, program lawatan serta sebarang caj tambahan, sekiranya ada.

Inisiatif yang dilaksanakan berkenaan diharapkan dapat memberikan hasil yang positif, khususnya dalam memastikan kemaslahatan dan kebajikan jemaah umrah masa hadapan sentiasa terpelihara, seterusnya memudahkan menunaikan ibadat umrah dengan lancar, teratur dan sempurna.



# Memperkukuh ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat kampung




TURUT hadir memeriahkan majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TUTONG**, Rabu, 4 Mac. - Majlis Tahlil dan Berbuka Puasa anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Keriam bersama Universitas Islam Darussalam (UNIDA) telah diadakan lewat petang tadi di kediaman rasmi Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan, di sini.

Turut hadir memeriahkan majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Abdul Karim serta Ahli-ahli MPK Keriam, yang memberi sokongan dan galakan terhadap program berkenaan.

Kehadiran mereka sekali gus menekankan kepentingan kerjasama antara pihak pentadbiran, penduduk kampung dan institusi luar negara.

Majlis berkenaan diadakan dengan beberapa objektif utama, iaitu untuk mengeratkan silaturahim antara penduduk Kampung Keriam dan rombongan UNIDA, Republik Indonesia, di samping memupuk semangat perpaduan serta memperkukuh ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat kampung.

Selain itu, penganjuran majlis berkenaan turut bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadan melalui pengisian aktiviti keagamaan seperti Majlis Tahlil, Berbuka Puasa, Sembahyang Fardu Berjemaah serta Tadarus Al-Quran yang dilaksanakan secara bersama.

Majlis berkenaan juga berperanan dalam mengukuhkan jalinan kerjasama komuniti antara MPK Keriam dan institusi luar negara dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan serta kemasyarakatan.

Di samping itu, ia turut menanam dan menyemai nilai kebersamaan serta keprihatinan dalam kalangan masyarakat melalui penglibatan aktif semua pihak dalam menjayakan majlis keagamaan berkenaan.

# Perairan negara bebas sepenuhnya daripada air kemerah-merahan

**Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Mac. - Susulan daripada kenyataan media bertarikh 10 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan dengan 28 Februari 2026 Masihi, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah giat melaksanakan pemantauan berterusan bagi mengetahui keadaan air kemerah-merahan di perairan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan, iaitu Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Hasil daripada pemantauan berterusan dari udara dan melalui analisis makmal ke atas sampel dari perairan negara, dengan ini, Jabatan Perikanan, KSSUP memaklumkan bahawa kawasan perairan luar pesisir pantai (*offshore*) dan kawasan pesisiran pantai (*coastal*) di negara ini telah disahkan bebas daripada kejadian air kemerah-merahan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan sukacita memaklumkan bahawa spesies yang sebelum ini terjejas akibat kejadian air kemerah-merahan, iaitu ikan-ikan kecil seperti aur-aur, tamban, basong-basong, pusu, kuasi, bubuk dan kerang-kerangan, kini adalah selamat untuk dimakan.

Dengan ini, larangan sementara ke atas aktiviti penangkapan, penjualan dan memakan kesemua spesies berkenaan adalah ditarik balik.

Jabatan Perikanan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang ramai, para nelayan, peniaga makanan laut serta pihak-pihak berkepentingan atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kejadian air kemerah-merahan berkenaan.

Jabatan Perikanan akan terus melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap keadaan perairan negara bagi memastikan keselamatan makanan laut serta kelestarian ekosistem marin sentiasa terpelihara.

# MEMPERKUKUH PENGHAYATAN AL-QURAN MELALUI PENDEKATAN 'TADABBUR'

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**PULAIE**, Khamis, 5 Mac. - Dalam usaha memperkukuh penghayatan Al-Quran melalui pendekatan *tadabbur* yang lebih mendalam serta memupuk kecintaan terhadap Islam melalui perkongsian secara tematik dengan menjadikan kisah para Al-Anbiya' sebagai teladan, Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi meneruskan Program Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 bagi minggu kedua bertempat di Dewan Persidangan, PDI.

Program Siri Tadabbur kali ini yang membawa tema 'Rakyat Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi' telah dimulakan dengan mukadimah oleh Awang Muhammad Amin bin Alias.

Seterusnya bacaan Surah An-Nahl, ayat 120 hingga 122 berserta terjemahannya oleh Awang Mohammad Norhadi Yussof @Yusreen bin Abdullah, diikuti dengan Kuliah Tadabbur bertajuk 'Iman Dalam Dunia Penuh Tekanan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Kuliah berkenaan antara lain mengisahkan keteguhan iman Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam menghadapi ujian, di samping menekankan bahawa pegangan yang kukuh kepada Allah Subhanahu Wata'ala mampu melahirkan masyarakat yang berilmu, berdisiplin dan berintegriti.

Pembentukan peribadi Muslim sejati juga bermula dengan meletakkan Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai keutamaan tertinggi, sekali gus melahirkan individu yang berprinsip, berakhlak mulia serta teguh memegang nilai tauhid.

Program diteruskan dengan sesi soal jawab bersama penceramah bagi merungkai persoalan yang dibangkitkan oleh para peserta. Acara turut dimeriahkan dengan sesi kuiz interaktif. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz, penyampaian cenderamata kepada penceramah undangan dan tetamu khas sebelum sesi bergambar ramai.

Pada tahun ini, Siri Tadabbur Al-Quran tampil dengan tema baharu, iaitu 'Menuju Wawasan Brunei 2035 : Langkah Belia, Jejak Al-Anbiya' sebagai satu inisiatif memperkasa peranan generasi muda melalui penghayatan kisah para Al-Anbiya' dalam Al-Quran, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Tema berkenaan menekankan peranan belia sebagai ejen perubahan yang bukan sahaja berorientasikan pembangunan negara, malah berpaksikan panduan wahyu dalam mendepani cabaran semasa.

Program Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 berkenaan juga dirancang khusus untuk mewujudkan suasana mesra dan inklusif antara golongan belia dengan masyarakat awam. Program berkenaan diadakan pada setiap Khamis selama empat minggu berturut-turut sepanjang bulan Ramadan dengan tujuan menghidupkan majlis ilmu di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli belia da'ie, alumni Akademi Da'wah dan orang ramai.

Program berkenaan turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Rakaman penuh program tersebut boleh didapati di Instagram rasmi Belia Da'ie *@beliadaie*.



PROGRAM Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 bagi minggu kedua bertempat di Dewan Persidangan, PDI.



**MAHKAMAH BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 198 / 2018**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**Pemiutang / Pemetisyen**

**Naarul Ralijam Bin Hj Awang Ibrahim**
**[Kad Pengenalan Brunei No. 00-293438 – BYIC]**
**Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **31 Januari 2026.**

**Nama dan alamat Bankrap:**
Naarul Ralijam Bin
Hj Awang Ibrahim,
No. 4, Simpang 93-47-6,
RPN Kampung Pandan B,
Kuala Belait KA2031,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**
19 Mac 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh:**
9 Februari 2026

**Nur Sariy Syahmina Binti Haji Jaffri**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 90 / 2025**

**Hua Chin Way**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Wong Hiang Yong**
**(BRIC No. 31-016666)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 Ogos 2026.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Wong Hiang Yong
Lot No.28643A, Simpang 63,
Kampung Beribi
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**
12 Jun 2025

Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Notis Kepada Pemiuang Untuk Perjumpan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 Ogos 2026.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 8 April 2026, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan **pada 8 April 2026, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
14 Februari 2026

**Pg Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 434 / 2018**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Noryanti Binti Tarmidi**
**(BYIC NO. 00-120288)**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **10 Oktober 2020** telah dibatalkan pada **31 Januari 2026.**

**Nama Penghutang:**
Noryanti Binti Tarmidi

**Alamat Penghutang:**
No. 4, Simpang
1280-33-10-16-12,
Kg. Tanjung Bunut Kanan,
Mukim Kilanas,
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
11 Februari 2026

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 144 / 1998**

**Ng Nam Bee (I&E) Pte Ltd**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Yeo Tiong Boon**
**(BYIC NO. 00-007469)**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **25 Mac 1999** telah dibatalkan pada **29 Januari 2026.**

**Nama Penghutang:**
Yeo Tiong Boon

**Alamat Penghutang:**
No. 6, Simpang 56,
Kampung Beribi, Jalan Gadong,
Bandar Seri Begawan BE1118,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
7 Februari 2026

**Kes No.**
**BCY / CP / 52 / 2014**

**The Hongkong And Shanghai Banking Corp. Ltd**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Shahrum Bin Haji Abu Bakar**
**BYIC NO. 00-115777**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **17 Januari 2015** telah dibatalkan pada **29 Januari 2026.**

**Nama Penghutang:**
Shahrum Bin Haji Abu Bakar

**Alamat Penghutang:**
B5, Simpang 163,
Kampung Kiarong, BE1318,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
9 Februari 2026

**Kes No.**
**BCY / CP / 249 / 2025**

**Malayan Banking Berhad**
**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Yadie Riyadi Bin Bakri Hamdy**
**BGIC No. 50-755229**
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 Januari 2026.**

**Nama Dan Alamat Terakhir Diketahui:**
Yadie Riyadi Bin Bakri Hamdy
No. 6, Ground Floor,
PAP Masnah Shopping Complex,
Batu 1 1/2, Jalan Tutong BA2111,

Dan / Atau,

No. 21, Simpang 203,
Taman Pertama Hijau,
Kampung Lambak, Jalan Berakas
BB1744,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
15 Disember 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
7 Februari 2026

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Januari 2026.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 2 Mac 2026 jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Mac 2026, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
7 Februari 2026

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 124 / 2025

**Tajuk:**
Wayleave Maintenance Of 28ft / 35ft Of 415v / 11kv Overhead Lines And Poles In Sengkurong Area For A Period Of (3) Years

**Tarikh Tutup:**
10 Mac 2026
(Selasa, Jam 12.00 Tengah Hari)

**Harga Dokumen:**
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5, dalam Kategori E02

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**
Sila sertakan salinan BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17, Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, TAP Employer Contribution dan Certificate of Tax Compliance semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 128 / 2025

**Tajuk:**
Replacement Of GPS2 GTG20 Cooling Tower

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Harga Dokumen:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran,
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan:

**Kategori:**
M03

**Kelas:**
III, IV Atau V

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.**

**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
(179) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)
Kontrak Perkhidmatan Penghantaran Akhbar Pelita Brunei Selama Satu (1) Tahun.

**Yuran:**
BND 5.00
(Tunai Dan Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
19 Mac 2026,
Jam 8.00 Pagi

**BIRO MENCEGAH RASUAH**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Tawaran**
BMR / SH / 01 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran**
Tawaran Pemeliharaan Landskap Dan Pemotongan Rumput Kawasan Ibu Pejabat Dan Bangunan Baharu Biro Mencegah Rasuah.

**Bilangan Tawaran**
BMR / SH / 02 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran**
Tawaran Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Perumahan Biro Mencegah Rasuah Simpang 336-52-38 Dan 336-52-30, Taman Musyassarah Jalan Kebangsaan Lama.

**Bilangan Tawaran**
BMR / SH / 04 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran**
Tawaran Pemeliharaan Landskap Dan Pemotongan Rumput Kawasan Cawangan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Kuala Belait Termasuk Kawasan Perumahan No.3 Jalan Sungai Pandan Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran**
BMR / SH / 05 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran**
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Sampah Bagi Cawangan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Kuala Belait Termasuk Kawasan Perumahan No. 3 Jalan Sungai Pandan Kuala Belait Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Mac 2026
Jam 11.00 Pagi

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SU,NER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 74
Penyediaan Perkhidmatan Kebersihan Di Bangunan Terminal Penumpang Muara Semasa Ketibaan Kapal Pesiar

**Bayaran Yuran Dokumen Tawaran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka Tawaran:**
Sabtu,
28 Februari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
26 Mac 2026,
Jam 12.00 Tengah Hari

**JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JAIN / 5 / 1981 / PT.16 – (2026)
Kerja-Kerja Pembersihan Selama 36 Bulan Bagi Bangunan Jabatan Adat Istiadat Negara Dan Bangunan-Bangunan Di Bawah Kawalan Jabatan Adat Istiadat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh / Jam Tutup:**
Selasa
10 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Tempat Menghantar Tawaran:**
Peti Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan BB3913,
Negara Brunei Darussalam.


**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 008
[JPPK / LTN / 19 / 2025]
Proposed Combined Construction Of The Warrant Officer's And Sergeant Mess Brunei Garrison Estate Development Plan, Jalan Satu Selatan, Seria, Negara Brunei Darussalam

**Kelas:**
V dan Ke Atas

**Kategori:**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lima Belas (15) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
**Selasa, 17 Mac 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
31 Mac 2026
(Selasa)
2.00 Petang

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GSU / 002
[JPPK / LTN / 22 / 2025]
Proposed Upgrading, Supply And Install Addressable Fire Alarm System And Interconnection Of All Fire Alarm Panels In Gurkha Security Unit, Sungai Akar Camp

**Kelas:**
III dan Ke Atas

**Kategori:**
KPMEE05, E01 dan E02

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
**Selasa,**
**17 Mac 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
31 Mac 2026
(Selasa)
2.00 petang

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / PEN / 003
[JPPK / LTN / 26 / 2025]
Proposed Design And Build On Renovation Of Existing Office Space To Research And Development Laboratory At Pejabat Gaji, Penanjong Garrison

**Kelas:**
III dan Ke Atas

**Kategori:**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Enam (06) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
**Selasa,**
**17 Mac 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
31 Mac 2026
(Selasa)
2.00 petang

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tajuk-Tajuk Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Kementerian Pendidikan Tahun 2026**

**MOE / LTK / 14 / 2026 / 2027**
**(BKP-FEB-2026)**
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Sebanyak 5 Buah Bagi Kawasan Angkutan Zon A (Sekolah Rendah Saba Darat) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 15 / 2026 / 2027**
**(BKP-FEB-2026)**
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Sebanyak 9 Buah Bagi Kawasan Angkutan Zon B (Sekolah Rendah Sungai Siamas) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 16 / 2026 / 2027**
**(BKP-FEB-2026)**
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Sebanyak 1 Buah Bagi Kawasan Angkutan Zon C (Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Kampong Menunggol) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 17 / 2026 / 2027**
**(BKP-FEB-2026)**
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Sebanyak 2 Buah Bagi Kawasan Angkutan Zon C (Sekolah Rendah Tanjong Kindana) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Mac 2026

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
Selasa,
31 Mac 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

**MAKLUMAT LANJUT** MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak.**



### PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

| | JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN | URUS SETIA PENGAMBILAN | KEKOSONGAN | JENIS IKLAN | TARIKH TUTUP PERMOHONAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **TUKANG MENGAMBIL DARAH** JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENETRIAN KESIHATAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/FEB/07/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) | 14 MAC 2026 |
| 2. | **TUKANG UBAT TERLATIH** JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN M.6 (BAHAGIAN IV) 2026/FEB/08/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 17 | 7(A) JKK-MOH | 14 MAC 2026 |
| 3. | **PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM KANAN** JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/FEB/06/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 01 | 38(A) | 14 MAC 2026 |
| 4. | **PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKAT II** KEMENTERIAN PEMBANGUNAN D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/FEB/03/KPBG | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | 01 | 7(A) | 14 MAC 2026 |
| 5. | **JURUTERA KERJA KANAN** PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/FEB/01/KKW | KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI | 01 | 38(A) | 14 MAC 2026 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## KESALAHAN-KESALAHAN
**DI BAWAH**
**AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)**

### BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK**
**$10,000**
**DAN PENJARA SELAMA**
**2 TAHUN**



### PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.**



PELITA BRUNEI

# BSP, BRUNEI LNG, BSM, BGC, BMC, BFI BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



**BRUNEI Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Brunei LNG Sdn. Bhd., Brunei Shell Marketing, Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd., Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. dan Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja baru-baru ini.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Mac. - Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Brunei LNG Sdn. Bhd. (BLNG), Brunei Shell Marketing (BSM), Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd. (BGC), Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) dan Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI), hari ini, telah mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis yang dimulakan dengan membaca Surah Yaa Siin, diikuti bertahlil tersebut khusus bagi paduka ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Awang Asril Amin bin Ahmad dari BGC.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pengurus Aset Onshore BSP, Awang Haji Mohamad Sufri bin Haji Sulaiman dan juga dihadiri oleh Pengurus Growth & Strategy Brunei LNG, Awang Haji Mazrul Adini bin Haji Abdul Ghani; Pengarah Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan Haji Omar; Pengarah Urusan BGC, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew; Pengurus Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar BMC, Pengiran Muhammad Ramzi bin Pengiran Haji Zahari serta Ketua Operasi BFI, Pengiran Haji Muhammad Ibrahim bin Pengiran DP Haji Abu Bakar.

Turut hadir, pegawai kanan dan kakitangan lelaki daripada keenam-enam syarikat tersebut, termasuk jemputan daripada rakan-rakan perniagaan.

Majlis berkenaan merupakan acara tahunan bersempena dengan kedatangan bulan suci Ramadan dan merupakan satu tradisi yang telah lama diamalkan oleh syarikat-syarikat yang terlibat.

Selain itu, adanya acara seumpama ini menjadi detik bermakna untuk bermuhasabah, berdoa dan mengeratkan hubungan kerohanian, di samping memperkukuhkan nilai bersama seperti keimanan, mengenang jasa dan perpaduan.

Melalui perhimpunan ini juga, BSP, Brunei LNG, BSM, BGC, BMC dan BFI sekali lagi menegaskan komitmen bersama mereka untuk menghormati kepimpinan serta warisan Negara Brunei Darussalam, sambil mengeratkan hubungan silaturahim antara para pekerja dan rakan perniagaan.

Justeru, acara itu turut mencerminkan dedikasi syarikat-syarikat tersebut dalam memelihara tradisi budaya dan keagamaan sebagai sebahagian penting daripada identiti korporat mereka.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

# Meringankan beban golongan kurang berkemampuan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



**ORBIT Supermarket Sdn. Bhd. terus menzahirkan komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan yang menetap di Kampung Salambigar, Kampung Sungai Hanching dan Kampung Lambak.**

**SALAMBIGAR,** Khamis, 5 Mac. - Dalam usaha berterusan memeduli kebajikan dan kesejahteraan penduduk setempat, Orbit Supermarket Sdn. Bhd. terus menzahirkan komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan yang menetap di Kampung Salambigar, Kampung Sungai Hanching dan Kampung Lambak.

Program kebajikan yang dianjurkan bersempena bulan Ramadan ini merupakan tahun ke-18 penganjurannya, sekali gus mencerminkan iltizam berpanjangan syarikat dalam membantu meringankan beban keluarga yang memerlukan, khususnya dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Sumbangan yang dihulurkan diharap dapat memberi sinar kegembiraan serta membantu penerima dalam memenuhi keperluan harian mereka sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

Inisiatif berterusan ini juga memperlihatkan keprihatinan Orbit Supermarket Sdn. Bhd. terhadap kesejahteraan komuniti setempat, selaras dengan nilai kebersamaan dan semangat berbagi rezeki di bulan Ramadan.

Majlis dimulakan dengan ucapan yang disampaikan oleh Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah yang menzahirkan penghargaan kepada Orbit Supermarket dalam usaha syarikat tersebut memeduli dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan didahului oleh Penghulu Mukim Berakas 'B'; Pemangku Ketua Kampung Sungai Hanching / Salambigar, Awang Mohammad Sukairi bin Haji Abd. Rahman; Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Mohammad Fazly bin Awang Haji Suhaili; mantan Imam Haji Amron bin Awang dan disertai oleh Ahli-ahli Pengurusan Kumpulan Teeyem Majid Group Brunei, Ali Akber, Ferose Khan dan Anwar Ali.

Sumbangan yang dihulurkan merupakan hamper makanan yang merangkumi barangan keperluan asas yang berjumlah BND65. Antara barangan yang disumbangkan termasuk beras, minuman tin, mi segera, minuman kordial, biskut dalam tin dan lain-lain. Pada majlis tersebut seramai 85 penerima telah dipilih untuk menerima sumbangan tersebut.

Dalam ucapan beliau, Pengarah Urusan Orbit Supermarket, Anwar Ali Mohammed Yussuf merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas segala sokongan yang telah diberikan sehingga program sumbangan amal ini dapat dilaksanakan dengan penuh kesyukuran dan jayanya.

Beliau menambah, program amal ini juga bertujuan sama-sama meringankan beban golongan kurang berkemampuan serta membawa keceriaan sempena sambutan perayaan dalam bulan yang penuh keberkatan.

# Memastikan kebajikan penduduk memerlukan terus diberi perhatian

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



**MAJLIS Penyampaian Derma yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim Serasa dengan kerjasama Poomaan Group of Companies selaku penyumbang.**

**KAPOK,** Khamis, 5 Mac. - Golongan kurang berkemampuan dan anak-anak yatim yang menetap di Mukim Serasa pagi tadi menerima sumbangan berupa keperluan harian seperti beras, minyak masak dan barangan makanan kering dalam satu Majlis Penyampaian Derma yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa dengan kerjasama Pooman Group of Companies selaku penyumbang.

Hadir menyampaikan sumbangan berkenaan, Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan, selaku tetamu kehormat majlis.

Awang Saiful Adli dalam ucapannya merakamkan penghargaan atas kerjasama berterusan yang terjalin, sambil menegaskan bahawa sokongan konsisten setiap tahun daripada pihak Pooman bukan sahaja meringankan beban kewangan keluarga yang memerlukan, malah turut menyuntik semangat dan keyakinan bahawa masyarakat sentiasa prihatin terhadap nasib mereka.

Beliau turut menambah bahawa penyelarasan erat antara kepimpinan korporat dan pentadbiran akar umbi membolehkan bantuan disampaikan secara tersusun dan telus, sekali gus memastikan kebajikan dan kesejahteraan penduduk kampung yang memerlukan terus disantuni dengan penuh tanggungjawab.

Turut hadir, Ketua Kampung Kapok, Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman, serta Ketua Kampung Tanah Jambu dan Kampung Salar, Awang Mohammad Shamsulnizam bin Haji Abdul Latiff, yang sentiasa memainkan peranan penting dalam mengenal pasti keluarga yang benar-benar memerlukan bantuan.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Poomaan turut hadir bagi menyaksikan sendiri proses pengagihan sumbangan, iaitu Awang Haji Md. Haja Najmuddin bin Haji Md. Maideen, Dayang Hajah Muthu Muhammad Nachiar, N.S. Tajudeen Ahamed, Abu Taher, T.A. Haja Maideen, dan N.S. Shameem Ahamed.

Sementara itu, Awang Haji Md. Haja Najmuddin dalam ucapannya pula menekankan bahawa Ramadan adalah bulan yang mendidik jiwa untuk lebih peka terhadap kesusahan orang lain.

Menurutnya, apa yang bermula sebagai sumbangan kecil tujuh tahun lalu kini berkembang menjadi program tahunan yang lebih tersusun dan terancang, hasil kerjasama rapat dengan pejabat daerah, penghulu mukim dan para ketua kampung.

"Ramadan bukan sahaja tentang menahan lapar dan dahaga, tetapi tentang merasai denyut nadi masyarakat. Sebagai syarikat tempatan yang membesar bersama komuniti ini, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk terus menyumbang dan memastikan kebajikan penduduk yang memerlukan terus diberi perhatian," ujarnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, memohon keberkatan kepada para penerima dan juga para penyumbang agar usaha murni berkenaan terus dipermudahkan pada masa akan datang.

Pada majlis yang diadakan di Cawangan Pooman Sdn. Bhd. di Kampung Kapok berkenaan, seramai 40 orang yang layak telah menerima sumbangan daripada Kumpulan Pooman (Pooman Group).

Bagi para penerima, sumbangan berkenaan memberi kelegaan menjelang persiapan berbuka dan sahur. Ada yang menzahirkan rasa syukur kerana dapat menyediakan keperluan untuk membantu meringankan beban dalam keperluan harian mereka.

Memasuki tahun ketujuh pelaksanaannya secara berturut-turut, inisiatif berkenaan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat dan bukti bahawa pertumbuhan perniagaan boleh berjalan seiring dengan nilai kemanusiaan.

# WASPADA TERHADAP INSTITUSI KEWANGAN TIDAK BERLESEN

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin mengingatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB dan mengelak daripada terlibat dengan mana-mana syarikat atau individu tidak berlesen yang menawarkan produk atau perkhidmatan kewangan.

Aktiviti yang memerlukan pelesenan daripada BDCB termasuk pengambilan deposit, pinjaman wang, skim pelaburan, perkhidmatan insurans/takaful, kiriman wang, penukaran wang dan pajak gadai.

Peringatan ini dikeluarkan kerana tawaran perkhidmatan kewangan yang tidak dibenarkan telah menjadi semakin biasa di media sosial dan platform dalam talian seperti Facebook, Instagram, Telegram dan WhatsApp, di mana entiti tidak berlesen mungkin menggunakan maklumat yang mengelirukan dan taktik persuasif untuk menyasarkan orang awam, terutamanya mereka yang berada dalam situasi yang terdedah.

Orang ramai dinasihatkan untuk memastikan mana-mana syarikat atau individu yang menawarkan perkhidmatan kewangan dilesenkan oleh BDCB sebelum memasuki sebarang transaksi atau komitmen kewangan.

Berurusan dengan entiti tidak berlesen atau tidak dikawal boleh mendedahkan pengguna kepada risiko kewangan yang ketara, seperti kehilangan wang mereka dengan sedikit atau tiada peluang untuk wang dikembalikan, terpedaya dengan janji palsu pemulangan, menghadapi bayaran tersembunyi atau syarat yang tidak adil dan tidak mempunyai akses kepada saluran aduan yang betul atau perlindungan kawal selia di bawah rangka kerja BDCB.

Sehubungan itu, orang ramai digalakkan untuk semak senarai institusi kewangan berlesen BDCB yang terdapat di laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn*; rujuk senarai makluman BDCB untuk entiti yang diketahui atau disyaki beroperasi tanpa kebenaran.

Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa ketiadaan dalam senarai tidak bermakna entiti diberi kuasa atau selamat untuk ditangani; dan elakkan berkongsi maklumat peribadi atau kewangan yang sensitif dengan pihak yang tidak diketahui atau tidak disahkan.

Orang ramai yang menjadi mangsa aktiviti tersebut dinasihatkan supaya segera membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di balai polis berhampiran atau dengan menghubungi Talian Bantuan Anti Penipuan di 16993.

Jika orang ramai bertemu atau mengesyaki mana-mana individu atau entiti yang menawarkan perkhidmatan kewangan tidak berlesen, mereka boleh menghubungi BDCB di +673 8380007 (semasa waktu bekerja) atau e-mel *fci@bdcb.gov.bn*.

BDCB kekal komited untuk menjaga kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan kepentingan pengguna kewangan.

BDCB juga akan terus memantau secara aktif sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai memainkan peranan penting dalam usaha ini dengan terus berwaspada dan membuat keputusan kewangan yang termaklum.

# Pupuk sikap pemedulian, tanggungjawab kepada masyarakat

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**TANJONG NANGKA**, Rabu, 4 Mac. - Sebagai komitmen berterusan dalam menzahirkan sikap pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan masyarakat, Kumpulan Pooman (Pooman Group) melalui Syarikat Pooman Jaya Sendirian Berhad sekali lagi menghulurkan bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan, pagi tadi.

Sumbangan berupa pakej makanan asasi diagihkan kepada 17 orang penerima yang terdiri daripada anak-anak yatim dan keluarga memerlukan yang menetap di Kampung Tanjong Nangka.

Inisiatif tahunan yang telah dilaksanakan secara konsisten selama lima tahun berturut-turut itu mencerminkan dedikasi jangka panjang syarikat terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta sokongan di peringkat akar umbi.

Program tersebut dianjurkan dengan kerjasama pihak pentadbiran kampung bagi memastikan bantuan disalurkan bersasar kepada individu dan keluarga yang benar-benar layak menerima.

Hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan ialah Pengarah Kumpulan Pooman, Awang Haji Md. Haja Najmuddin bin Haji Md. Maideen bersama barisan Pengarah-pengarah Kumpulan Pooman yang lain termasuk Hajah Muthu Muhammad Nachiar; N.S. Tajudeen Ahamed; Abu Taher; T. A. Haja Maideen; serta dan N.S. Shameem Ahamed serta Pemangku Ketua Kampung Tanjong Nangka, Awang Haji Hamdan bin Haji Ajak.







**KUMPULAN Pooman (Pooman Group) melalui Syarikat Pooman Jaya Sendirian Berhad menghulurkan bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan (kanan dan bawah kiri).**

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Kumpulan Pooman, Awang Haji. Md Haja Najmuddin menjelaskan bahawa sumbangan yang dihulurkan bukan sahaja sebagai usaha melaksanakan CSR, malah merupakan satu amanah dan tanggungjawab sebagai syarikat tempatan untuk sentiasa peka terhadap kebajikan masyarakat sekeliling.

Menurut beliau, keberkatan dalam perniagaan bukan hanya terletak pada keuntungan semata-mata, sebaliknya pada sejauh mana sesebuah organisasi itu dapat berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan.

Beliau menegaskan, sepanjang lima tahun lalu, usaha membantu masyarakat telah dijadikan sebagai satu keutamaan dan komitmen tersebut bukan bersifat bermusim atau simbolik, bahkan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial syarikat.

Pemilihan Kampung Tanjong Nangka pada tahun ini juga adalah hasil kerjasama erat bersama pihak ketua kampung, katanya.

Pada masa yang sama, beliau juga selaku pihak syarikat turut merakamkan penghargaan kepada pentadbiran kampung atas bantuan dalam memastikan sumbangan disampaikan kepada penerima yang benar-benar memerlukan.

Beliau turut menegaskan bahawa usaha berkongsi rezeki adalah selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering menekankan kepentingan amalan bersedekah serta bantu-membantu dalam membina masyarakat yang harmoni.

Bagi pihak syarikat, beliau berikrar untuk terus memperkukuhkan usaha khidmat masyarakat pada masa akan datang, sekali gus menjadi antara penggerak dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat.

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung Tanjong Nangka menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan dan usaha kebajikan yang dilaksanakan oleh Pooman Group.

Beliau menyifatkan sumbangan tersebut amat bermakna bukan sahaja kepada penerima, malah sebagai satu inisiatif murni dalam membantu masyarakat membuat persediaan menjelang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Tahun ini menandakan genap lima tahun program penyampaian sumbangan tersebut dikendalikan oleh syarikat berkenaan, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan dalam menyantuni golongan yang memerlukan serta menyumbang kepada pembangunan sosial masyarakat setempat.




# Perkhidmatan ambulans khusus untuk kes kecemasan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai agar menggunakan perkhidmatan ambulans secara berhemah dan bertanggungjawab, khususnya bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan bantuan perubatan dengan segera.

Perkhidmatan ambulans disediakan bagi membantu pesakit yang berada dalam keadaan kecemasan seperti kesukaran bernafas, sakit dada yang teruk, kehilangan kesedaran, pendarahan yang serius serta kemalangan yang memerlukan rawatan perubatan segera dan penghantaran yang cepat ke Jabatan Kecemasan Hospital.

Penggunaan ambulans bagi kes-kes yang tidak melibatkan kecemasan boleh menjejaskan keupayaan sistem respons kecemasan untuk memberi bantuan kepada pesakit lain yang benar-benar memerlukannya.

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di klinik atau pusat kesihatan yang berdekatan bagi keadaan yang tidak mendesak.

Kerjasama orang ramai dalam menggunakan perkhidmatan ambulans secara berhemah adalah amat dihargai bagi memastikan perkhidmatan kecemasan kesihatan di Negara Brunei Darussalam dapat terus berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn*, mengikuti akaun media sosial rasmi Instagram kementerian *@mohbrunei* atau menghubungi Talian Darussalam 123.

PELITA BRUNEI

# MEMUPUK PEMBACAAN AL-QURAN WARGA KERJA PRINT PLUS

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Mac. - Kira-kira 60 pegawai dan kakitangan serta Pegawai-pegawai Kanan Print Plus Sdn. Bhd. (Print Plus) telah menghadiri Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Surau Al-Mutma'inah, di premis organisasi berkenaan, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Takhtim oleh kakitangan dan tetamu yang hadir serta diakhiri dengan bacaan Doa Khatam yang dibacakan oleh Pengiran Haji Abdul Hadi bin Pengiran Haji Zaini.

Majlis diserikan lagi dengan alunan bacaan Dikir Marhaban dan Doa Kesyukuran.

Majlis berkenaan diharap dapat memupuk pembacaan Al-Quran dalam kalangan warga kerja selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah Negara Zikir.

Di samping itu, ia juga menggalakkan penglibatan kakitangan dalam aktiviti keagamaan sebagai sebahagian daripada rutin harian mereka.



**SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Surau Al-Mutma'inah, di premis organisasi berkenaan (atas dan kiri).**

# Ramadan perkukuh silaturahim, raih keberkatan hidup

Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Hubungan erat bersama keluarga menjadi asas utama dalam membentuk kehidupan yang diberkati, sekalipun ketika menempuh kepesatan era teknologi moden yang serba canggih.

"Di bulan Ramadan inilah banyak mengajar *kitani* semua untuk memperbaiki hubungan dengan ibu bapa, keluarga, rakan-rakan serta masyarakat sekeliling, termasuk sahabat-sahabat yang membesar bersama di kampung suatu ketika dahulu. Kita pasti akan merindui suasana kegembiraan itu," jelas Kaunselor Pelawat Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor semasa menyampaikan ceramah sempena bulan Ramadan bagi pegawai dan kakitangan HiTUNE Group of Companies.

Pengerusi HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang hadir pada sesi ceramah yang diadakan di ibu pejabat syarikat tersebut di Kampung Mata-Mata, Gadong.

Beliau berkata kejayaan yang dimiliki sebenarnya adalah hasil daripada keberkatan ibu bapa yang sering mendoakan kita, oleh sebab itu mendahulukan ibu bapa merupakan sikap yang sangat penting.

"Macam mana pun kehebatan kita, ibu bapa *kitani* perlu didahulukan kerana insan terbaik dalam hidup kita ialah ibu bapa. Kejayaan setinggi mana sekali pun yang kita capai tidak bermakna jika kita mengabaikan mereka," ujarnya.

Menyentuh kedatangan bulan mulia ini, beliau turut mengongsikan tentang keindahan Ramadan yang memberi pengajaran sangat mendalam serta keberkatan berpuasa yang penuh rahmat berbanding bulan-bulan lain.

Beliau juga menyeru agar masyarakat menjadikan Ramadan sebagai medan untuk memperkukuh silaturahim, menghargai ibu bapa serta membina hubungan yang lebih erat sesama keluarga demi memperoleh keberkatan hidup di dunia dan akhirat.




**PENGERUSI HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang hadir pada sesi ceramah berkenaan yang diadakan di ibu pejabat syarikat tersebut di Kampung Mata-Mata, Gadong (atas dan bawah).**





INFO Teknologi



# Cahaya inframerah : Gelombang panas yang tidak kelihatan pelbagai manfaat

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

### Pendahuluan

**PERNAHKAH** awda terfikir bagaimana alat kawalan jauh televisyen berfungsi, atau bagaimana kamera khas dapat 'melihat' dan mengesan pergerakan dalam keadaan gelap? Jawapannya terletak pada sejenis cahaya yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar, iaitu cahaya inframerah. Walaupun tidak dapat dilihat secara kasar, teknologi cahaya inframerah telah meresap ke dalam pelbagai aspek kehidupan moden, daripada kemudahan yang digunakan setiap hari di rumah sehinggalah kepada terapi dalam bidang perubatan.

Cahaya inframerah merupakan sejenis gelombang elektromagnet dengan panjang gelombang yang lebih panjang daripada cahaya yang boleh dilihat, iaitu di antara 700 nanometer hingga 1 milimeter. Oleh sebab panjang gelombangnya yang lebih panjang daripada cahaya merah, ia dinamakan 'infra' merah yang bermaksud 'di bawah merah'. Mata manusia tidak mampu melihatnya, tetapi kita dapat merasakannya dalam bentuk haba.

Spektrum inframerah terbahagi kepada tiga kategori utama berdasarkan panjang gelombangnya. Yang pertama ialah gelombang inframerah dekat yang digunakan dalam komunikasi serat optik, kemudian gelombang inframerah tengah untuk aplikasi sensor dan seterusnya, gelombang inframerah jauh yang dikaitkan rapat dengan sinaran haba serta aplikasi termografi dan perubatan.

### Kegunaan inframerah dalam kehidupan seharian

Penggunaan yang paling umum teknologi cahaya inframerah yang dekat dengan kita adalah pada peranti elektronik yang kita gunakan setiap hari seperti alat kawalan jauh untuk televisyen atau pendingin hawa. Alat kawalan jauh menghantar isyarat dalam bentuk pancaran inframerah yang mengandungi kod arahan khusus kepada penerima pada peranti, membolehkan kita menukar saluran atau mengatur suhu dengan mudah. Selain itu, sebelum era Bluetooth meluas, teknologi Infrared Data Association (IrDA) membenarkan pemindahan data antara telefon bimbit atau komputer riba. Walaupun kini kurang popular, prinsipnya menunjukkan bagaimana inframerah boleh menjadi medium komunikasi tanpa wayar yang berkesan untuk jarak dekat.



Teknologi cahaya inframerah juga dapat dilihat digunakan pada sistem keselamatan dan pengawasan. Kamera litar tertutup sering dilengkapi dengan lampu LED inframerah untuk membolehkan penglihatan malam. Pada waktu gelap, kamera beralih ke mod ini dan memancarkan cahaya inframerah yang tidak kelihatan oleh manusia, tetapi dapat dikesan oleh sensor kamera untuk menghasilkan imej hitam-putih yang jelas. Selain itu, sensor gerak pada sistem keselamatan rumah juga banyak yang berfungsi dengan mengesan perubahan pancaran inframerah di sekitarnya, contohnya daripada tubuh manusia yang panas. Di sektor industri, lampu inframerah digunakan untuk proses pemanasan dan pengeringan yang cekap. Agensi cuaca pula memanfaatkan citra satelit inframerah untuk memantau litupan awan, suhu permukaan laut, serta mengesan titik panas kebakaran hutan.

### Manfaat teknologi inframerah dalam bidang perubatan

Dalam bidang perubatan, sumbangan teknologi inframerah ialah pada aplikasinya dapat dilihat dalam dua aspek utama: diagnostik dan terapi. Setiap bahagian tubuh manusia yang mempunyai suhu melebihi sifar mutlak memancarkan sinaran inframerah. Teknologi pencitraan termal memanfaatkan prinsip ini untuk mendiagnosis penyakit. Kamera termal khas dapat menangkap sinaran inframerah gelombang panjang yang dipancarkan oleh kulit dan mengubahnya menjadi peta haba berwarna. Imej termografi ini sangat berguna untuk mengesan pelbagai kelainan. Sebagai contoh, tisu yang mengalami keradangan akibat kecederaan atau artritis akan menunjukkan suhu yang lebih tinggi kerana peningkatan aliran darah ke kawasan tersebut. Sebaliknya, peredaran darah yang lemah pada pesakit kencing manis akan menunjukkan suhu yang lebih rendah pada bahagian kaki. Ini memberikan maklumat berharga kepada doktor untuk diagnosis awal dan rawatan pencegahan.

Selain untuk diagnosis, pancaran inframerah juga digunakan secara meluas dalam fisioterapi dan rawatan di rumah. Terapi ini, biasanya menggunakan lampu inframerah khusus, berfungsi dengan cara menembusi beberapa milimeter ke dalam tisu tubuh dan meningkatkan suhu di kawasan tersebut. Kesan pemanasan ini membawa pelbagai manfaat kesihatan seperti meredakan sakit dan ketegangan otot. Kehangatan daripada sinar inframerah membantu melegakan otot yang tegang, mengurangkan rasa sakit akibat kekejangan otot, sakit belakang, dan lenguh-lenguh badan. Terapi menggunakan cahaya inframerah juga dapat melancarkan darah yang kemudian akan dapat membawa lebih banyak oksigen dan nutrien ke sel-sel tubuh, serta membantu membuang toksin dan bahan buangan metabolisme dengan lebih cekap.

### Langkah berjaga-jaga dan kesimpulan

Walaupun secara umumnya penggunaan cahaya inframerah tidak membahayakan ia tidak boleh dilakukan secara sembarangan. Pendedahan berlebihan atau jarak yang terlalu dekat boleh menyebabkan kulit kemerahan, dan iritasi. Selain itu, terapi ini tidak boleh diberikan kepada pesakit dengan jangkitan akut, kanser, atau mereka yang mengalami gangguan deria rasa kerana berisiko menyebabkan lecur tanpa disedari. Adalah sangat penting untuk mendapatkan nasihat daripada pakar kesihatan.

Cahaya inframerah adalah satu keajaiban teknologi yang tidak kelihatan namun kesannya sangat terasa. Dari memudahkan kita mengendalikan televisyen, menjaga keselamatan rumah, hingga membantu doktor mendiagnosis penyakit dan pesakit pulih dari kecederaan, inframerah memainkan peranan yang tidak dapat digantikan. Memahami fungsinya membolehkan kita menghargai bagaimana gelombang panas yang tidak tampak ini terus memberikan manfaat dan meningkatkan kualiti hidup manusia.

Pelita Brunei




# Bersama menangani masalah obesiti

Oleh : Norliah Md. Zain
Ilustrasi : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, penempatan penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

OBESITI dirujuk sebagai seseorang yang mempunyai berat badan berlebihan (*overweight*) atau obes. Ia merupakan penyakit kronik yang kini mencetuskan krisis global, dan Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada kesannya.

Ia menyumbang kepada 12 peratus kematian penyakit tidak berjangkit di seluruh dunia dan merupakan isu kesihatan awam utama yang mempengaruhi kesihatan, produktiviti dan kestabilan ekonomi. Obesiti merupakan salah satu faktor risiko utama bagi penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes, tekanan darah tinggi dan sebagainya.

Menjelang 2035, dijangka kira-kira empat bilion orang penduduk dunia akan hidup dengan berat badan berlebihan atau obesiti.

Obesiti boleh berpunca daripada beberapa faktor termasuk amalan pemakanan yang tidak sihat, gaya hidup sedentari, tekanan emosi atau kewangan serta gangguan tidur.

Namun, adalah penting untuk kita memahami bahawa obesiti bukan semata-mata disebabkan oleh tindakan individu sendiri, tetapi juga akibat pengaruh daripada ahli keluarga dan juga dari persekitaran sosial, dan sistem yang membentuk kehidupan seharian. Ini merangkumi sistem kesihatan, sistem pemakanan serta persekitaran fizikal yang turut memainkan peranan dalam menentukan gaya hidup dan tahap kesihatan seseorang.

NBD kini mencatatkan kadar obesiti tertinggi di rantau ASEAN iaitu dengan kadar 32.4 peratus. Dua daripada tiga orang dewasa mengalami masalah berat badan berlebihan atau *overweight* dan satu daripada tiga orang dewasa hidup dengan obesiti. Penemuan kaji selidik ini menunjukkan bahawa penduduk negara ini masih terdedah kepada corak pemakanan tidak sihat, kurang aktiviti fizikal serta faktor risiko berkaitan dengan gaya hidup yang lain.

Dapatan daripada Global School-based Student Health Survey (GSHS) 2019 menunjukkan bahawa dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun, sebanyak 18.1 peratus adalah obes, manakala 35.6 peratus mempunyai berat badan berlebihan. Angka ini amat membimbangkan kerana berat badan berlebihan semasa kanak-kanak dan remaja meningkatkan risiko obesiti serta penyakit tidak berjangkit (NCD) apabila dewasa. Data terkini daripada National STEPS Survey 2022 - 2023 turut mengesahkan bahawa prevalens berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan orang dewasa di NBD masih berada pada tahap yang tinggi.

Mencegah dan menangani masalah obesiti tidak hanya terletak pada individu. Seluruh masyarakat perlu berganding bahu serta meningkatkan usaha dan komitmen dalam pencegahan dan kawalan obesiti di negara ini.

Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan serta mempercepatkan usaha dalam menangani masalah obesiti adalah menubuhkan Jawatankuasa Pandu Obesiti (Obesity Taskforce) di bawah Kementerian Kesihatan pada tahun 2024, yang berperanan sebagai platform bagi penyelarasan dasar, pelaksanaan program dan memastikan penglibatan pihak berkepentingan dari pelbagai sektor. Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga sedang bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam membangunkan strategi komprehensif Kementerian Kesihatan bagi pencegahan dan pengurusan obesiti.

Terdapat juga Klinik Obesiti (bagi dewasa) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha melalui rujukan dari pusat-pusat kesihatan berdekatan.

Bagi warga sekolah, Kementerian Kesihatan turut melaksanakan Program Sekolah Mempromosi Kesihatan (Health Promoting School GLOW) melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan. Ia dilaksanakan di beberapa buah sekolah kerajaan dan bukan kerajaan, dengan tujuan untuk memperkasa sekolah-sekolah dalam melaksanakan program promosi kesihatan yang komprehensif, termasuk menyediakan Dasar Pemakanan Sihat di sekolah bagi menggalakkan persekitaran pemakanan sihat dan juga mendorong pelaksanaan aktiviti fizikal dalam kalangan penuntut, guru-guru dan kakitangan sekolah.

Melalui Pusat Promosi Kesihatan, turut dilaksanakan ialah Program Cara Hidup Sihat (PCHS), iaitu satu program penurunan berat badan yang dijalankan selama enam bulan, termasuk menyediakan taklimat pemakanan, demonstrasi memasak, Health Grocery Tour, sesi senaman dan juga taklimat kesihatan mental.

### Hari Obesiti Sedunia

Tarikh 4 Mac 2026 merupakan Hari Obesiti Sedunia. Ia merupakan inisiatif global yang digerakkan oleh World Obesity Federation untuk meningkatkan kesedaran, mengurangkan stigma, dan mendorong tindakan kolektif terhadap obesiti sebagai penyakit kronik yang kompleks. Tema tahun ini ialah '8 Bilion Sebab untuk Bertindak terhadap Obesiti (8 Billion Reasons to Act on Obesity)' yang menekankan cabaran global yang dipengaruhi oleh pelbagai sistem seperti persekitaran, sosioekonomi dan akses kesihatan, serta memerlukan pendekatan menyeluruh melibatkan kerajaan dan masyarakat.

Ia dilakukan dengan harapan dapat memberikan inspirasi bagi memastikan lebih ramai menjalani bentuk gaya hidup sihat.

### Peluang terbaik

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, ia merupakan peluang terbaik untuk menurunkan berat badan dengan mengawal pemakanan. Pilih makanan sihat yang mempunyai glisemik yang rendah (*low glicemic index*) ketika bersahur dan berbuka.

Antara yang boleh diamalkan ialah berbuka dengan makanan rendah glisemik seperti kurma dalam jumlah yang kecil, air kosong dan sup sayur.

Elakkan minuman manis seperti air sirap, teh tarik dan minuman bersusu pekat manis.

Pilih sumber protein berkualiti tinggi seperti ayam tanpa kulit, ikan bakar atau daging tanpa lemak untuk mengekalkan rasa kenyang.

Gantikan nasi putih dengan beras perang atau sumber karbohidrat kompleks lain untuk tenaga yang lebih stabil. Pilihan karbohidrat yang lebih sihat dapat mengawal berat badan.

Kurangkan makanan bergoreng yang tinggi kalori dan lemak tidak sihat.

Pastikan makanan untuk sahur mengandungi protein dan serat tinggi seperti telur, oat tanpa gula, dan kekacang untuk mengelakkan rasa lapar berlebihan sepanjang hari.

Bersenam ringan selepas berbuka seperti berjalan kaki atau latihan regangan untuk meningkatkan metabolisme.

Dengan mengambil pemakanan yang betul, badan akan lebih mudah membakar lemak sebagai sumber tenaga, membantu penurunan berat badan yang lebih efektif. Selain itu paras gula akan lebih stabil, mengurangkan keinginan untuk makan berlebihan dan meningkatkan tenaga sepanjang hari.

Ingatlah pemakanan yang kurang dijaga boleh menyebabkan berat badan berlebihan dan menjadi obes. Obesiti dapat memberi tekanan yang besar kepada sumber penjagaan kesihatan malahan juga menjejaskan kualiti hidup di peringkat individu.

# OPERASI KAKAS : 4 WARGA ASING DITAHAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Mac. - Dalam menguatkuasakan Akta dan Peraturan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah pun melaksanakan dua Operasi Kakas di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Operasi Kakas 21 / 2026 menyasarkan rumah sewa di Mukim Gadong 'B'. Hasil operasi, seorang warga asing telah pun ditahan dan di bawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang Undang bagi siasatan lanjut. Individu dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresennya mansuh.

Sementara Operasi Kakas 23 / 2026 telah menyasarkan di rumah sewa Mukim Berakas 'A' di mana tiga warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Tiga individu tersebut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresennya mansuh.




**PENGUATKUASA Undang-Undang telah pun melaksanakan dua Operasi Kakas di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi Talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

# Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**SENGKURONG,** Khamis, 5 Mac. - Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sengkurong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Easin Haydar, berusia 33 tahun, dengan nombor pasport A03265870.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



**EASIN Haydar, seorang pekerja lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh yang dipercayai lari daripada majikan.**

# Operasi Usai kesan pelbagai kesalahan dilakukan majikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Mac. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 38/2026 di Kampung Salar pada 24 Februari 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan penyewaan kem telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 70, majikan gagal memberikan cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; Bab 112(1), menggaji pekerja asing tanpa lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain daripada kegiatan restoran dan dua kesalahan bagi syarikat lain, iaitu di bawah Bab 112(2), majikan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing; pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan, iaitu pekerja berjawatan pembantu dapur melakukan kerja-kerja pejabat dan pekerja yang dijamin ditempatkan bukan di alamat yang diisytiharkan ke Jabatan Buruh.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti jika pekerja bekerja pada Hari Kelepasan Awam, majikan hendaklah membayar ganda atau menganti cuti pada hari lain, memberikan cuti tahunan berbayar, majikan tidak dibenarkan menggaji pekerja jaminan syarikat lain, pekerja-pekerja hendaklah melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan dan menempatkan pekerja ditempat yang diisytiharkan ke Jabatan Buruh.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).




**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 38/2026 di Kampung Salar.**

# PUISI

## Buah Kurma Sangat Berkhasiat

Banyak buah tumbuh didahan,
Apalagi buah di hutan;
Lepas Syaaban datangnya Ramadan,
Bulan penuh dengan keberkatan.

Nyaman sekali buah delima,
Apa kurangnya buah nangka;
Bulan Ramadan dihidangkan kurma,
Makanan utama semasa berbuka.

Delima dipetik dibulan purnama,
Waktu tertentu sangat istimewa;
Apa pilihan jenis kurma,
Kurma Rasul digelar Ajwa.

Bila bulan sudah menjelma,
Juluk buahnya memakai rotan;
Di Brunei kurma diberi percuma,
Sedekah dari Baginda Sultan.

Buah didapat gembira ria,
Makan bertambah pembuka selera;
Menjunjung kasih atas kurnia,
Semoga baginda sihat sejahtera.

Buah dijuluk jatuh ka atap,
Yang masih mentah simpan di kamar;
Kurma basah dipanggil rutab,
Yang kering pulang dipanggil tamar.

Makan buah jangan dicabar,
Jangan saja gunakan gegawi;
Kurma yang besar jenis Ambar,
Juga digemari jenis Safawi.

Pohon apa yang banyak duri,
Batangnya lebar warnanya coklat;
Kurma basah jenis Sukkari;
Memberi tenaga banyak khasiat.

Pohon ditanam di tanah gambut,
Tanam dibukit sangatlah sulit;
Kurma Medjool besar dan lembut,
Melancarkan pencernaan mencegah sembelit.

Apa kurangnya buah semangka,
Buah tempatan cukup masyhur;
Kurma dimakan semasa berbuka,
Juga dihidang ketika bersahur.

Siapa tahu buah markisa,
Kalau ada mau ku pinta;
Berkat dimakan berbuka puasa,
Mengikut sunah Rasul kita.

Buah markisa sangatlah lazat,
Rantingnya kecil sangatlah puah;
Kurma banyak mengandungi khasiat,
Amalkan memakan mengikut sunah.

**Nadi©**
**Isnin**
**Syaaban ke 28 Hijrah 1447**
**Februari ke 16 Masihi 2026**

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# REPUBLIK RAKYAT CHINA AKAN MEMAJUKAN EKONOMI PINTAR, MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN DIGITAL

**BEIJING**, 5 Mac. - Republik Rakyat China akan memajukan dan mengembangkan inisiatif 'AI Plus', mempercepatkan aplikasi terminal pintar generasi baharu dan ejen Kecerdasan Buatan (AI) yang lebih pantas, dan menggalakkan aplikasi komersial AI berskala besar dalam sektor dan bidang utama, menurut laporan kerja kerajaan yang diserahkan pada hari Khamis kepada badan perundangan tertinggi negara untuk pertimbangan.

Negara itu akan menggalakkan inovasi teknologi dalam bidang termasuk AI berbilang modal, ejen AI, AI yang diwujudkan (*embodied AI*) dan *swarm intelligence* dan meneroka laluan pembangunan bagi AI umum, menurut draf garis panduan Rancangan Lima Tahun Ke-15 (2026-2030) yang turut dikemukakan pada hari Khamis. - ©XINHUA



**BAHAGIAN dalaman Dewan Besar Rakyat, tempat mesyuarat pembukaan sesi keempat Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) Ke-14, Beijing, ibu negara Republik Rakyat China.**

# Republik Rakyat China tetap sasaran pertumbuhan 4.5 hingga 5 peratus bagi 2026

**BEIJING**, 5 Mac. - Republik Rakyat China menyasarkan pertumbuhan ekonomi antara 4.5 hingga lima peratus pada 2026, dengan tumpuan diberikan kepada pengurusan risiko dalam sektor hartanah serta hutang kerajaan tempatan.

Premier Majlis Negara, Li Qiang berkata sasaran itu digariskan ketika ekonomi kedua terbesar di dunia itu berdepan persekitaran luaran yang semakin kompleks dan permintaan domestik yang memerlukan sokongan lanjut.

"China menyasarkan untuk memperkukuh sektor utama seperti pertanian dan pembangunan luar bandar, meningkatkan inovasi dalam teknologi strategik termasuk Kecerdasan Buatan (AI), semikonduktor, serta komunikasi generasi seterusnya seperti 6G.

"Selain itu, inisiatif hijau dan rendah karbon akan dipergiat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan mampan," katanya semasa membentangkan Laporan Kerja Kerajaan pada sesi tahunan Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) di Beijing, pada Khamis.

Beliau berkata Republik Rakyat China akan melaksanakan dasar fiskal yang lebih proaktif, dengan anggaran defisit sekitar empat peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), selain penerbitan bon khas bagi menyokong projek strategik serta meningkatkan penggunaan domestik.

Li berkata Republik Rakyat China turut menyasarkan 12 juta peluang pekerjaan baharu di bandar tahun ini, dengan kadar pengangguran bandar dijangka sekitar 5.5 peratus dan kadar inflasi pada kira-kira dua peratus.

Beliau menegaskan langkah-langkah untuk menstabilkan sektor hartanah termasuk mengawal bekalan projek baharu, mengurangkan inventori perumahan yang tidak terjual, dan meningkatkan rumah mampu milik, di samping memastikan projek yang tertunda disiapkan.

"Pengurusan hutang kerajaan tempatan akan diperkukuh, termasuk mengawal hutang tersembunyi dan menstruktur semula obligasi secara sistematik bagi mengurangkan risiko kewangan.

"Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan meningkat sekurang-kurangnya tujuh peratus setahun semasa Rancangan Lima Tahun Ke-15 (2026-2030), dengan fokus pada teknologi strategik, pembangunan hijau, dan tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Laporan itu turut mengetengahkan komitmen terhadap kesejahteraan rakyat melalui pemerkasaan sistem keselamatan sosial, penambahbaikan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, serta menangani cabaran demografi termasuk populasi warga emas dan kadar kelahiran yang rendah. - ©BERNAMA

# Ekonomi Peru pulih secara berterusan

**LIMA**, 4 Mac. - Peru telah mengukuhkan pemulihan ekonomi yang berterusan dalam beberapa tahun kebelakangan ini dengan memperkukuh keyakinan serta menggalakkan projek-projek yang menyediakan peluang sebenar, kata Presiden Majlis Menteri-menteri Denisse Miralles pada Selasa.

"Pencapaian ini bukan suatu kebetulan. Ia adalah hasil daripada keputusan yang tegas dan komitmen jelas terhadap kestabilan," kata Miralles semasa perasmian mesyuarat ke-188 Lembaga Pengarah Development Bank of Latin America and the Caribbean di Lima.

Beliau turut menekankan peranan positif dan sokongan yang diberikan oleh CAF dalam memperkukuh infrastruktur serta bergerak ke arah pembangunan sosial yang lebih inklusif.

Miralles menegaskan komitmen kerajaan Peru terhadap tadbir urus demokrasi, yang merupakan syarat penting bagi pembangunan serta asas kepada kestabilan politik dan pelaburan awam serta swasta.

Beliau berkata Peru tampil kepada rantau ini dengan tanggungjawab institusi dan keyakinan bahawa negara-negara Amerika Latin mampu mengubah cabaran menjadi peluang selagi mereka bersatu. - ©XINHUA

# Polis Republik Filipina kerah unit risikan, penahanan warga Jordan dikaitkan serangan di Bondi Beach

**MANILA**, 4 Mac. - Polis Kebangsaan Filipina (PNP) menggerakkan unit risikan elitnya bagi melumpuhkan sel pengganas yang mungkin wujud susulan penahanan seorang warga Jordan yang dikaitkan dengan suspek dalam insiden tembakan di Bondi Beach, Australia, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Kumpulan Risikan PNP sedang menyelaraskan kerjasama dengan Angkatan Tentera Filipina bagi menyiasat Mohammad Saleh Odeh, 65, yang ditahan di Pagadian City pada Isnin (2 Mac).

"Kami tidak akan mengabaikan sebarang usaha dalam menjejaki pergerakan serta rangkaian mana-mana kumpulan pengganas di negara ini," kata Ketua PNP Jeneral Jose Melencio Nartatez Jr. dalam satu kenyataan pada Rabu.

"Matlamat kami adalah memastikan sebarang ancaman berpotensi dapat dineutralkan secepat mungkin; keselamatan setiap rakyat Filipina kekal menjadi keutamaan utama kami," katanya.

Odeh ditahan kerana tinggal melebihi tempoh dibenarkan serta menjalankan perniagaan tanpa visa. Beliau dilaporkan memperoleh Visa Pemastautin Sementara pada 2023 yang sah sehingga Mac 2025.

Siasatan mendapati beliau mempunyai kaitan dengan individu yang disyaki terlibat dalam serangan pada 14 Disember 2025 berhampiran Bondi Beach di Sydney, apabila seorang bapa dan anak lelakinya Sajid dan Naveed Akram melepaskan tembakan semasa sambutan Hanukkah yang mengorbankan 15 orang.

"Kami mahu menjelaskan hubungan sebenar beliau dengan suspek serta memahami aktiviti yang dijalankannya ketika berada di Republik Filipina," kata Nartatez mengenai Odeh. - ©BERNAMA

# Nepal adakan pilihan raya pertama selepas protes Gen Z guling kerajaan Oli

**KATHMANDU**, 5 Mac. - Proses pengundian bermula pada Khamis di Nepal bagi memilih 275 ahli dewan rendah Parlimen, enam bulan selepas protes besar-besaran diterajui generasi Z (Gen Z) menggulingkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri KP Sharma Oli, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dewan Perwakilan (HoR) yang dipilih pada November 2022 untuk tempoh lima tahun, telah dibubarkan pada September lepas ketika kemuncak protes massa oleh golongan muda berkenaan.

Dalam kejadian itu, Bangunan Parlimen, Pejabat Perdana Menteri, Mahkamah Agung dan firma perniagaan swasta dibakar oleh penunjuk perasaan yang menuntut penamatan rasuah serta ketidaksamaan.

Lebih 70 orang dilaporkan terkorban dalam rusuhan itu yang memaksa Oli meletak jawatan, sebelum tokoh perundangan bersara, Sushila Karki mengambil alih jawatan sebagai pemimpin interim. Pentadbiran Karki melaksanakan pilihan raya ini dalam tempoh enam bulan sejak beliau memegang jawatan.

Kira-kira 19 juta pengundi layak untuk memilih 165 ahli HoR di bawah sistem pilihan raya pemenang undi terbanyak. Baki 110 ahli parlimen lagi akan dipilih di bawah kategori perwakilan berkadar.

Dewan tinggi, yang dikenali sebagai Perhimpunan Kebangsaan, pula akan dipilih oleh wakil rakyat yang menang di dewan rendah dan dewan undangan wilayah.

Daripada jumlah keseluruhan pengundi, lebih 900,000 merupakan pengundi kali pertama yang menyokong kepimpinan muda bagi mengetepikan pemimpin veteran yang dianggap tidak menunjukkan prestasi yang diharapkan.

Bekas Datuk Bandar Kathmandu, Balendra Shah, dilihat sebagai calon pilihan untuk menjadi Perdana Menteri baharu. Balendra, yang merupakan seorang jurutera struktur, meletak jawatan sebagai datuk bandar untuk bertanding di kerusi Jhapa-5, yang merupakan kawasan kubu kuat Oli. - ©BERNAMA

# 4 maut dalam kejadian jeti runtuh di Sepanyol

**MADRID**, 4 Mac. - Sekurang-kurangnya empat orang maut di utara Sepanyol selepas sebuah jeti runtuh, lapor agensi berita Republik Persekutuan Jerman dpa.

Kemalangan itu berlaku di pantai berbatu El Bocal, utara Santander, ibu kota wilayah Cantabria, lapor perkhidmatan menyelamat Laut Cantabria pada Selasa dan dua orang masih hilang pada awal petang.

Antara yang maut adalah tiga wanita, menurut agensi berita Europa Press, saluran televisyen TV RTVE dan media lain, yang memetik pasukan penyelamat.

Maklumat lanjut mengenai identiti mangsa belum didedahkan manakala punca kemalangan, yang berlaku sekitar 4.30 petang (1530 GMT) itu, masih tidak jelas.

Menurut pihak berkuasa, tujuh orang dalam lingkungan pertengahan umur terlibat dalam insiden itu. Kesemuanya jatuh ke dalam laut apabila jeti tersebut runtuh.

Dua daripada mereka diselamatkan namun seorang wanita kemudiannya meninggal dunia akibat kecederaan di unit rawatan rapi sebuah hospital di Santander.

Kejadian itu berlaku di jeti antara pantai El Bocal dan Institut Oseanografi Sepanyol, menurut maklumat rasmi. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# MWC 2026 BERAKHIR DI SEPANYOL, MENGETENGAHKAN BAGAIMANA AI MEMBENTUK SEMULA INDUSTRI TELEKOMUNIKASI




**ORANG ramai melihat sebuah kenderaan yang dipamerkan di Petak Xiaomi semasa The 2026 Mobile World Congress (MWC) 2026 di Barcelona, Sepanyol pada 2 Mac 2026.**

**BARCELONA, SEPANYOL,** 6 Mac. - Kongres Dunia Mudah Alih (MWC) 2026 berakhir pada hari Khamis di Barcelona, Sepanyol, yang mengetengahkan bagaimana lonjakan Kecerdasan Buatan (AI) mendorong komunikasi mudah alih melangkaui sambungan asas ke arah ekosistem digital yang lebih luas yang mengintegrasikan pengkomputeran awan, platform data dan aplikasi industri.

Acara empat hari yang bertemakan "Era IQ" itu menarik lebih daripada 100,000 peserta dari 207 negara dan wilayah, menurut angka yang dikeluarkan pada hari Khamis oleh penganjur GSMA. Menandakan ulang tahun ke-20 kehadiran acara itu di Barcelona, MWC tahun ini juga telah menarik kira-kira 2,900 pempamer, penaja dan rakan kongsi, termasuk lebih 350 syarikat dari Republik Rakyat China, menurut penganjur.

Di MWC tahun ini, diakui secara meluas bahawa ketika AI beralih daripada konsep kepada penggunaan berskala besar, rangkaian telekomunikasi beralih daripada infrastruktur sambungan asas kepada platform yang menyokong aplikasi yang dipacu AI.

Peter Jarich, Ketua GSMA Intelligence, berkata pada persidangan terakhir bahawa MWC tahun ini menunjukkan industri telekomunikasi sedang memasuki fasa pembangunan baharu, dengan tumpuan beralih daripada meningkatkan prestasi rangkaian kepada membina seni bina dan ekosistem komunikasi yang lebih terbuka di sekitar AI, pengkomputeran awan dan platform data.

Daripada inovasi berkuasa AI, termasuk telefon robot, kepada aplikasi AI yang dibina pada model AI dan platform pengkomputeran Huawei, seperti pembantu pelaburan pintar firma fintech YSSTech yang direka untuk menyediakan analisis perdagangan dan sokongan membuat keputusan, pelbagai teknologi Republik Rakyat China muncul sebagai sorotan di tingkat pameran.

Ketua Pengarah GSMA, Vivek Badrinath, berkata industri ketersambungan global tidak pernah lebih bertenaga atau lebih bermakna.

"MWC 2026 telah menunjukkan kepada kita apa yang berlaku apabila minda paling bijak di dunia bersatu padu di sekitar masalah yang benar-benar sukar, daripada AI yang terbuka dan inklusif dan merealisasikan potensi penuh 5G, kepada memastikan dunia selamat daripada ancaman penipuan dan jenayah siber yang semakin meningkat," katanya.

Di samping itu, syarikat-syarikat Republik Rakyat China telah memenangi pelbagai penghormatan merentasi kategori termasuk infrastruktur rangkaian, produk inovatif dan penyelesaian industri di Anugerah Global Mobile (GLOMO). - ©XINHUA

# FAM anggap keputusan CAS tidak seimbang

**KUALA LUMPUR**, 6 Mac. - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berpandangan keputusan Mahkamah Timbang Tara Sukan (CAS) dalam kes melibatkan tujuh pemain kebangsaan kelihatan tidak seimbang walaupun badan induk itu menghormati bidang kuasa tribunal sukan tertinggi dunia berkenaan.

FAM memaklumkan telah menerima keputusan berkuat kuasa yang dikeluarkan CAS berhubung rayuan yang difailkan oleh badan induk itu serta tujuh pemain terbabit.

"FAM menghormati bidang kuasa CAS, namun berpandangan bahawa hukuman yang dikenakan kelihatan tidak seimbang, terutamanya apabila dibandingkan dengan hukuman dalam kes-kes serupa yang pernah diputuskan oleh CAS.

"FAM akan menilai perkara ini dengan lebih lanjut setelah keputusan penuh diperoleh," demikian menurut kenyataan FAM hari ini.

FAM memaklumkan alasan penuh bagi keputusan berkenaan masih belum dikeluarkan dan sebarang ulasan lanjut mengenai merit keputusan itu hanya akan dibuat selepas butiran lengkap diperoleh dan diteliti.

Menurut badan induk itu, sepanjang prosiding berkenaan, FAM telah menerima tanggungjawab atas kegagalan penyeliaan yang berlaku dalam proses berkaitan kes tersebut.

Pada masa sama, FAM memaklumkan siasatan oleh agensi kerajaan serta Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) masih berjalan dan badan induk itu akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada semua pihak berkuasa berkaitan.

Sementara itu, FAM turut menyifatkan keputusan terbabit sebagai sesuatu yang mengecewakan khususnya kepada pemain terlibat.

"Mereka tidak terlibat dalam proses pentadbiran dan tidak mempunyai pengetahuan mengenai perkara-perkara berkaitan pentadbiran. Para pemain adalah warganegara Malaysia yang telah dianugerahkan kewarganegaraan mengikut peruntukan undang-undang di Malaysia," menurut kenyataan itu.

Semalam, CAS sebahagiannya membenarkan rayuan tujuh pemain warisan Harimau Malaya terhadap FIFA berhubung hukuman kerana memalsukan dokumen naturalisasi.

Dalam keputusan operasi (tanpa alasan terperinci) yang dikeluarkan, Panel CAS memutuskan bahawa tujuh pemain itu tetap dikenakan penggantungan selama 12 bulan, namun ia hanya terpakai untuk perlawanan rasmi dan bukan semua aktiviti berkaitan bola sepak.

Panel CAS berpendapat bahawa denda sebanyak CHF 350,000 (anggaran RM1.8 juta) ke atas FAM berhubung kes berkenaan adalah wajar, setimpal, dan kekal berkuat kuasa.

Tujuh pemain terbabit ialah Gabriel Felipe Arrocha, Facundo Garces, Rodrigo Holgado, Imanol Manchuca, Joao Figueiredo, Jon Irazabal dan Hector Hevel. - ©BERNAMA

# SIA lanjutkan penangguhan penerbangan Republik Singapura-Dubai sehingga 15 Mac

**REPUBLIK SINGAPURA**, 6 Mac. - Singapore Airlines (SIA) mengumumkan pembatalan lanjut bagi penerbangan ke dan dari Dubai sehingga 15 Mac ini berikutan konflik yang berterusan di Timur Tengah.

Ahad lepas, syarikat penerbangan itu telah pun mengumumkan penangguhan penerbangan ke dan dari Dubai sehingga 7 Mac.

Dalam nasihat perjalanan yang dikongsi menerusi laman Facebook rasminya pada Khamis, SIA memaklumkan bahawa penerbangan yang terjejas adalah SQ494 yang berlepas dari Republik Singapura ke Dubai dan SQ495 dari Dubai ke Republik Singapura.

"Memandangkan situasi masih tidak menentu, penerbangan SIA yang lain mungkin turut terjejas. Pelanggan boleh melayari laman Status Penerbangan SIA (*https://tinyurl.com/5fj7xaaj*) untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai penerbangan mereka.

"Pelanggan yang terjejas oleh pembatalan penerbangan ini akan ditempatkan semula ke penerbangan alternatif atau boleh memohon bayaran balik penuh bagi bahagian tiket yang tidak digunakan," katanya. - ©BERNAMA

# Penerbangan bawa pulang rakyat Republik Perancis berpatah balik akibat tembakan roket

**PARIS**, 6 Mac. - Satu penerbangan Air France yang berlepas ke Dubai untuk membawa pulang rakyat Republik Perancis yang terkandas terpaksa berpatah balik akibat tembakan roket di rantau Timur Tengah, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Situasi ini menunjukkan ketidakstabilan di rantau itu serta kerumitan usaha repatriasi," kata Menteri Pengangkutan Republik Perancis Philippe Tabarot pada Khamis. Kerajaan menyewa pesawat itu untuk membawa rakyat Republik Perancis pulang ke Paris.

"Kami sedar hak rakyat kami di lapangan, namun kepulangan mereka hanya boleh diusahakan dalam keadaan keselamatan yang terjamin," katanya.

Air France sebelum itu mengumumkan penerbangan itu pada sebelah petang, yang dirancang dengan kerjasama Kementerian Luar.

"Disebabkan situasi keselamatan semasa di destinasi, penerbangan repatriasi ini digantung," kata Air France beberapa jam kemudian. "Keselamatan pelanggan dan anak kapal kami adalah keutamaan".

Menurut Menteri Luar Republik Perancis Jean Noel Barrot dalam wawancara dengan stesen penyiar TF1, kira-kira 5,000 rakyat Republik Perancis ingin meninggalkan rantau Timur Tengah. Daripada jumlah itu, 750 orang sudah berjaya dibawa pulang.

Penerbangan membawa pulang rakyat Republik Perancis dari kawasan krisis itu adalah yang keempat dan tiba di bandar Orleans pada Khamis. - ©BERNAMA

# Pesawat Tentera Udara Republik India alami nahas di Negeri Assam, Republik India

**NEW DELHI**, 6 Mac. - Sebuah pesawat tentera Republik India terlibat dalam nahas di negeri Assam di timur laut negara itu ketika menjalankan misi latihan.

"Pesawat Su-30MKI, yang sedang dalam misi latihan, mengalami nahas di kawasan Karbi Anglong, Assam, kira-kira 60km dari Jorhat. Operasi mencari sedang dijalankan," menurut Tentera Udara Republik India menerusi platform X pada Jumaat.

Hubungan dengan pesawat tempur dua tempat duduk itu terputus pada 7.42 malam, Khamis.

Pesawat itu berlepas dari Jorhat, kira-kira 300 kilometer dari bandar utama Assam, Guwahati.

Pesawat Su-30MKI dihasilkan oleh Hindustan Aeronautics Limited (HAL) di Republik India di bawah lesen daripada syarikat aeroangkasa Persekutuan Rusia, United Aircraft Corporation (UAC).

Tentera Udara Republik India mengendalikan kira-kira 260 pesawat pelbagai peranan jenis itu. - ©BERNAMA

# Republik Itali tutup sementara kedutaan di Tehran

**ROM**, 6 Mac. - Republik Itali menutup sementara kedutaannya di ibu negara Republik Islam Iran, Tehran susulan konflik yang berlaku di negara itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menteri Luar Republik Itali Antonio Tajani menjelaskan perkara itu pada Khamis malam di Rom dengan alasan faktor keselamatan. Beliau berkata kakitangan kedutaan dipindahkan ke negara jiran, Azerbaijan, khususnya ke ibu negaranya, Baku.

Beliau berkata sekumpulan kira-kira 50 diplomat dan rakyat Republik Itali lain sudah meninggalkan Republik Islam Iran.

Tajani menegaskan yang pemindahan itu tidak bermakna Republik Itali memutuskan hubungan diplomatik dengan Republik Islam Iran. Menurutnya, langkah itu bersifat sementara dan beliau berkata beberapa negara lain turut menutup perwakilan mereka di Tehran. - ©BERNAMA

Pelita Brunei
ePaper Pelita Brunei
PELITA BRUNEI SUKAN

# ATLET MENDAFTAR MASUK KE PERKAMPUNGAN PARALIMPIK CORTINA



CHEN Jianxin dan Wang Haitao dari Republik Rakyat China di Kampung Paralimpik Sukan Paralimpik Milan-Cortina 2026 di Cortina d'Ampezzo, Republik Itali.

**CORTINA D'AMPEZZO, REPUBLIK ITALI**, 4 Mac. - Menjelang Sukan Paralimpik Musim Sejuk Milan-Cortina 2026, kira-kira 350 atlet telah mendaftar masuk ke Kampung Paralimpik Cortina yang terletak di sebuah lembah Alpine, kata seorang pengurus perkampungan berkenaan pada hari Selasa.

"Kami berkemungkinan telah mempunyai sebuah kampung yang boleh diakses sepenuhnya. Kami mengalaminya semasa Sukan Olimpik Musim Sejuk dan ia berjalan dengan sangat baik. Unit-unit penginapan berfungsi dengan sangat baik. Atlet dan pasukan sangat gembira dengan keseluruhan kemudahan, bangunan, kawasan rekreasi dan plaza," kata Clara Van Vliet, timbalan pengurus besar perkampungan itu.

Perkampungan ini terdiri daripada kabin kayu kompak yang dihiasi dengan elemen budaya ketara daripada pasukan yang mengambil bahagian, seperti panda Republik Rakyat China
dan burung emu dari Australia.

"Kami mempunyai perkampungan yang sangat panjang, tetapi kami mempunyai pengangkutan perkhidmatan bas ulang-alik dalaman. Mereka juga dibenarkan membawa peranti mobiliti mereka untuk membantu mereka pergi dari satu tempat ke tempat lain di perkampungan," kata Van Vliet. "Sifat perkampungan ini adalah sesuatu yang baharu. Adalah penting bagi kami untuk mempertimbangkan kemampanan. Ia berjalan dengan baik".

Pertukaran pin, satu aktiviti popular di perkampungan itu, diteruskan pada hari Selasa apabila pasukan *curling* berkerusi roda Republik Rakyat China bertukar pin dengan pemain *curling* Amerika, Stephen Emt.

"Ini adalah satu pasukan yang saya sentiasa ingin cari terlebih dahulu kerana kami mempunyai hubungan yang baik dengan pasukan Republik Rakyat China. Saya suka warna pin dengan gambar panda yang sedang meluncurkan batu *curling*. Saya suka persekitaran di sini bersama dengan atlet terbaik di dunia. Saya telah bertemu rakan lama dan bertemu rakan baharu," kata Emt yang berusia 56 tahun.

Sukan Paralimpik Musim Sejuk Milan-Cortina akan membuka tirainya pada 6 Mac dan berlangsung sehingga 15 Mac, menampilkan 79 acara merentasi enam sukan. Para *alpine skiing*, papan luncur salji para dan *curling* berkerusi roda akan berlangsung di Cortina. Para biathlon dan Para *cross-country skiing* pula akan diadakan di Val, Fiemme dan hoki ais para akan diadakan di Milan.

Lebih 600 atlet dari 52 negara dan wilayah dijangka akan bertanding. Republik Rakyat China telah menghantar 167 ahli, termasuk 70 atlet, untuk bertanding dalam 71 acara merentasi enam sukan, menandakan delegasi terbesar dan penyertaan acara paling meluas dalam Paralimpik Musim Sejuk di luar negara.

Acara beregu campuran *curling* berkerusi roda, yang akan membuat penampilan sulung pada Paralimpik, akan bermula pada hari Rabu. Republik Rakyat China akan menentang Jepun dalam sesi pusingan awal pertama.

"Atlet kami berlatih keras untuk membuat persediaan bagi Paralimpik Musim Sejuk. Saya harap mereka dapat berasa tenang untuk menunjukkan yang terbaik dan mengejar impian mereka di sini," kata He Yongju, timbalan ketua pasukan pasukan *curling* berkerusi roda Republik Rakyat China. - ©XINHUA

# Alex Yoong latih skuad e-Racing negara

**KUALA LUMPUR**, 5 Mac. - Bekas pelumba Formula Satu (F1) negara, Alex Yoong Hanifah dilantik sebagai jurulatih skuad e-Racing kebangsaan.

Presiden Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia (MESF) Muhammad Naim Al Amin Saharudin berkata pelantikan berkenaan adalah sebahagian daripada persiapan menghadapi Sukan Asia Aichi-Nagoya dan Sukan SEA 2027.

"Untuk e-Racing, kami melihat kelebihan besar menerusi pengalaman dan kepakaran dimiliki Alex.

"Beliau akan bertugas sepenuh masa bermula April ini bagi memastikan program latihan lebih tersusun dan berimpak tinggi," katanya selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa kerja bersama Majlis Sukan Negara (MSN).

Dalam pada itu, Muhammad Naim turut mengumumkan bahawa buat pertama kali atlet e-Sukan tersenarai dalam Program Podium MSN, sekali gus menyaksikan pengiktirafan rasmi terhadap atlet yang terlibat.

"Bagi kategori sepenuh masa, kita telah memuktamadkan beberapa judul termasuk eFootball, Identity V dan e-Racing.

"Skuad Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) wanita pula diletakkan dalam kategori separuh podium, manakala skuad lelaki berada dalam kategori berfasa," katanya.

Mengulas mengenai persiapan ke Sukan Asia, beliau berkata sebanyak 11 judul akan dipertandingkan, dengan Malaysia sudah pun layak secara automatik bagi acara Honor of Kings.

"Baki 10 lagi judul akan ditentukan menerusi pusingan kelayakan yang akan dijalankan kelak," katanya. - ©BERNAMA

# Score Marathon 2026 catat rekod 50,000 peserta

**KUALA LUMPUR**, 4 Mac. - Acara Score Marathon 2026 anjuran AIA Vitality di Putrajaya pada 18 dan 19 Julai ini akan mencipta sejarah sebagai festival larian dua hari dan menarik penyertaan 50,000 peserta.

Jumlah itu meningkat sebanyak 17,000 peserta daripada penyertaan 33,000 individu pada tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Score Sports Management Patricia Tan berkata pencapaian 50,000 peserta dan penggunaan format dua hari merupakan kejayaan penting dalam penganjuran acara itu.

"Ini mencerminkan sokongan kuat daripada komuniti pelari dan rakan kongsi. Kami mahu Score Marathon menjadi platform kepada semua, daripada pelari kali pertama hingga atlet berpengalaman untuk mencabar diri, mengejar matlamat peribadi dan menjadi sebahagian daripada acara besar.

"Kami juga mengambil langkah ke hadapan dalam memupuk penyertaan ramai dan larian kompetitif di Malaysia menerusi pengenalan Score Double Challenge dan High Performance Category," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pengenalan Score Double Challenge pada edisi tahun ini direka untuk pelari yang berhasrat menguji ketahanan mereka dengan larian dua hari berturut-turut.

Peserta boleh memilih daripada kombinasi 10 kilometer (km)+42km, 5km+42km, 10km+21km atau 5km+21km dan akan menerima dua pingat penamat selepas larian.

Sementara itu, High Performance Category diperkenalkan kepada pelari mahir yang menyasarkan kedudukan podium acara 42km, 21km dan 10km. - ©BERNAMA

# Tahukah Awda

**MUZIUM** Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta. Muzium ini mempunyai empat buah galeri pameran iaitu Pameran Alat-alat Kebesaran Diraja dalam Istiadat Perpuspaan, Pameran Diraja, Pameran Jubli Perak dan Pameran Jubli Emas : Lima Dekad di atas Takhta Kerajaan.

**SUMBER :** *http://museums.gov.bn/.*